

Laporan

ANUGERAH KUALITI NAIB CANSOLOR

AKNC





اَوَّلُ رِسَالَةٍ تَكُونُ لَوَيْلَى مَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

LAPORAN ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR (AKNC)

2021

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (PERAK)
PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

KETUA PTJ :

MD YUSOF BIN HAMID

KETUA UNIT KUALITI :

THURAIYA BINTI MOHD

PENYELARAS :

MOHD ZULHAILI BIN TEH

PENULIS :

1. AHMAD ZAMIL BIN ZAKARIA
2. AZRUL BIN BAHALUDDIN
3. IZHAM BIN ABDUL GHANI
4. JUFIZA BINTI A. WAHAB
5. KARTINA BINTI ALAUDDIN
6. KHALIJAH BINTI RAMLI
7. MOHD FADZIL BIN ABDUL RASHID

8. MOHD ZULHAILI BIN TEH
9. MUHAMMAD FALIHIN BIN JASMI
10. MUHAMMAD IQBAL BIN MOHAMED AZHARI
11. NAJMA BINTI AZMAN
12. NOR FAEZAH BINTI MOHAMAD RAZI
13. NOR SAMSINAR BINTI KAMSI
14. NORHAFIZAH BT ABDUL RAHMAN
15. NORIZAN BINTI MT AKHIR
16. NUR HANIM BINTI ILIAS
17. NURULHUDA BINTI ALI
18. RUWAIDAH BT BORHAN
19. SITI FAIRUZ BINTI CHE PIN
20. ZULKIFLI BIN MOHD GHAZALI
21. SALLEHAN BIN ISMAIL
22. THURAIYA BINTI MOHD

KRITERIA 1 : KEPIMPINAN

1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

UiTM Cawangan Perak (UiTMCP) dipimpin oleh 6 ahli Pengurusan Eksekutif yang diketuai oleh Rektor. Pengurusan Eksekutif mengamalkan pendekatan yang sistematik dalam merancang, mensasarkan matlamat dan memimpin segala agenda yang perlu dilaksanakan untuk mencapai visi, misi dan objektif yang disasarkan dengan bantuan Pengurusan Dalaman iaitu ketua di setiap bahagian, fakulti, jabatan dan unit. Amalan nilai PERAK dan ESI-iDART sangat ditekankan kepada semua warga dalam menjalankan setiap tugas yang diamanahkan. Pengurusan Eksekutif UiTMCP sentiasa peka terhadap perubahan dalam sistem dan proses kerja mengikut keadaan semasa bagi menjadikan UiTMCP sebuah universiti dinamik yang teguh mendokong visi menuju kesarjanaan dan kecemerlangan akademik bagi menerajui dinamisme bumiputera dalam semua bidang profesional bertaraf dunia. Dalam situasi cabaran pandemik COVID-19, kepimpinan UiTMCP melaksanakan sistem pengurusan berasaskan perancangan (*Plan*), pelaksanaan (*Do*), pemantauan (*Check*) dan tindakan penambahbaikan (*Act*) dengan sistematik, tangkas dan, profesional dengan penuh bertanggungjawab.

Kepimpinan UiTMCP melaksanakan pendekatan dan proses perluasan untuk menggerakkan kampus dan seluruh warga selari dengan dasar dan polisi semasa berasaskan "*thrust strategic*" UiTMCP: 1) *Quality*, 2) *Global Excellence*, dan 3) *Value-driven performance* dengan mengaplikasi 3 tujahan utama iaitu (i) Hasil Perancangan Strategik dengan tumpuan terhadap kecemerlangan kepimpinan dalam memperkasakan bidang akademik dan penarafan terhadap penyelidikan (ii) Hasil berasaskan pelanggan dengan tumpuan kepada indeks kegembiraan, hasil kerjasama, ketampakan dan kemasyarakatan dan (iii) Hasil berasaskan operasi dengan menumpukan kepada kecekapan perkhidmatan dalam pelbagai keadaan.

Kepimpinan UiTMCP menjadikan KPI sebagai elemen pengukuran utama bagi mengukur pencapaian dan menggerakkan bidang tumpuan pilihan. UiTMCP telah mengenal pasti 18 PI i-UiTM berkaitan akademia untuk direalisasikan bagi tempoh 5 tahun iaitu 2016-2020. Elemen pengukuran bidang tumpuan diperincikan melalui pemetaan Objektif Kualiti UiTMCP yang mendasari fungsi atau peranan semua PTJ. Pengukuran pencapaian KPI dilaksanakan 2 kali setahun dan hasilnya dibentangkan dalam Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP).

1.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Barisan kepimpinan UITMCP mengamalkan pendekatan yang sistematik melalui pembentukan pelan strategik yang berpaksikan kepada 3 teras iaitu Pendidikan Berkualiti, Kecemerlangan Global dan Prestasi Berorientasikan Nilai. UITMCP mengilustrasikan Model Hala Tuju Strategik seiring dengan Matlamat Strategik UiTM 2025 ke arah melonjakkan UiTM menjadi Universiti Terkemuka Dunia. Terdapat 53 PI dipertanggungjawabkan kepada 3 kumpulan teras. Sasaran pencapaian diagihkan kepada fakulti supaya pelaksanaan lebih bersasar. Pendekatan yang digunakan adalah *Top-Down* dan *Bottom-Up*. *Top-Down* merujuk kepada proses mengadaptasi Pelan Strategik UiTM 2025 dan seterusnya membangunkan 23 Pelan Tindakan Strategik (SAP) serta melaksanakannya berdasarkan kompetensi dan ketersediaan PTJ dan warga atau *Bottom-up* secara menyeluruh.

Ketampakan kepimpinan yang holistik dan dinamik adalah kriteria utama yang menjadikan UiTMCP sentiasa terkehadapan. Pendekatan *head-hunting* diamalkan dalam mencari calon berbakat kepimpinan, memahami sistem kerja dan mempunyai kepakaran dalam bidang. *Talent Mapping* dan *Succession Plan* yang dirancang membantu mengenal pasti pelapis dengan sistematik dan melahirkan barisan kepimpinan yang berketampakan dan menonjol dalam *Global Education News*, *facebook*, televisyen dan surat khabar (Lampiran 1.2(a)). Penggunaan teknologi digital dan media sosial menjadi wahana efektif dalam membentuk pendekatan komunikasi yang menepati situasi dan kumpulan sasaran. UITMCP mempunyai jumlah *followers Facebook* (12,125), *Instagram* (1,037), *Twitter* (1,540), *Youtube* (2,370).

Ketampakan UiTMCP semakin menyerlah melalui kolaborasi bersama pelbagai institusi, badan profesional dan industri dalam dan luar negara. Pengurusan Eksekutif sentiasa menambahbaik hubungan dengan pihak luar melalui MoU (Objektif Kualiti 7). Perjanjian persefahaman merupakan pendekatan terbaik dalam membuka peluang perkongsian penyelidikan, kepakaran, pengalaman dan pertukaran pensyarah serta pelajar. Kolaborasi ini mempertingkatkan keserjanaan staf akademik (Objektif Kualiti 3).

Sejajar dengan ketampakan kepimpinan, hubungan industri dan pengantarabangsaan menjadi agenda utama untuk mencapai KPI. Bertepatan tema Amanat Naib Canselor 2020 iaitu "merencanakan kerjasama pintar ke arah jenama global", pendekatan yang diamalkan antaranya melalui program perkongsian ilmu bersama pihak luar. Kepimpinan utama melibatkan diri dalam sesi perkongsian antarabangsa seperti *International Executive Seminar* (Lampiran 1.2(b)) memberi nilai ketampakan pemimpin dengan berkongsi tindakan yang diambil oleh Pengurusan Eksekutif semasa pandemik COVID-19. Objektif Kualiti 4 memastikan kecemerlangan dalam pemindahan ilmu oleh akademia menjelang 2020 mengatasi sasaran. Ramai akademia UiTMCP menjadi pakar rujuk (Lampiran 1.2(c)), pensyarah pelawat (Lampiran 1.2(d)) dan pertukaran syarahan (Lampiran 1.2(e)). Sesi jelajah maya ke institusi antarabangsa melalui siri konferensi merencanakan hubungan pengantarabangsaan. Hasil kolaborasi dan ketampakan ini, banyak tawaran geran-geran dari luar negara yang diperolehi menyerlahkan kepimpinan barisan akademia.

Pendekatan melalui '*media synergy*' dan komunikasi strategik merencanakan penyertaan akademia sebagai langkah yang pragmatik dan berkesan untuk penyampaian maklumat secara komprehensif supaya masyarakat dapat menghayati dan menggunakan ilmu untuk masalah bersama. Pendekatan ini mensasarkan pencapaian PI-66. Pendekatan melalui sinergi antara bahagian telah dilaksanakan seperti siri *Counseling, Sport & Islamic Spirit (CSI) Well-Being* secara *virtual* pada tahun 2020.

Pendekatan kepimpinan melalui mobiliti staf akademik UITMCP ke agensi kerajaan, dan agensi swasta dilaksanakan bagi membawa nama baik UiTMCP di persada negara (Lampiran 1.2(e)). Pelbagai kolaborasi bersama antara UiTM dan Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan (I-KPKT) dilaksanakan seperti konferensi *i Property Talk*, dan siri latihan kepada pihak berkuasa tempatan oleh pensyarah UITMCP. Rektor UITMCP juga telah dilantik sebagai Ahli Lembaga Penasihat I-KPKT. (Lampiran 1.2(e)).

SENARAI BUKTI:

1. [Lampiran 1.2a.pdf](#)
2. [Lampiran 1.2b.pdf](#)
3. [Lampiran 1.2c.pdf](#)
4. [Lampiran 1.2d.pdf](#)
5. [Lampiran 1.2e.docx.pdf](#)

1.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Kepimpinan UiTMCP amat menitikberatkan strategi pelaksanaan yang sistematik, komprehensif dan melibatkan pelaksanaan menyeluruh dalam melaksanakan inisiatif ketiga-tiga tujuan utama iaitu hasil perancangan strategik, hasil berasaskan pelanggan dan hasil berasaskan operasi.

Dalam mencapai hasil perancangan strategik, barisan kepimpinan UiTMCP yang diketuai oleh Rektor memberi ketetapan dan tanggungjawab kepada semua PTJ. Perluasan dan perkongsian hala tuju UiTMCP digerakkan melalui platform seperti Amanat Tahun Baharu Rektor, *Townhall Coffee with Rector*, pekeliling, mesyuarat, diari korporat, emel, laman sesawang dan media sosial (Lampiran 1.3(a)). Pengurusan Eksekutif telah menambah baik saluran komunikasi pintar dengan memasang papan kenyataan digital di pusat tumpuan kampus. Ketua bahagian dan fakulti diberi tanggungjawab untuk memastikan setiap perkara berbangkit disebar luas kepada semua organisasi dan seterusnya memperoleh cadangan dan maklum balas terhadap perkara yang telah disampaikan. Perincian kaedah dan kekerapan sebaran maklumat yang telah diamalkan di UiTMCP adalah seperti di Lampiran 1.3(b). Halatuju UiTMCP ini juga disebar luas ke peringkat Kerajaan Negeri Perak semasa menghadiri bengkel dan mesyuarat penyediaan bajet negeri Perak, Bengkel RMK-11 Negeri Perak, Mesyuarat Ketua-ketua Jabatan Negeri Perak, pertemuan rasmi dan tidak rasmi bersama ahli Kerajaan Negeri Perak, hebahan melalui radio dan laman sesawang (Lampiran 1.3 (c)).

UiTMCP sentiasa memastikan penyampaian maklumat disebarluaskan melalui pelbagai mekanisme agar dapat diterima secara menyeluruh oleh semua pihak. Perluasan ini merupakan faktor penting dalam meningkatkan potensi kepimpinan dan ketampakan UiTMCP. Jalinan kerjasama dengan pelbagai universiti dan industri banyak memberi peluang kepimpinan akademik menyumbang dan menampilkan kepakaran masing-masing disebarluas dari peringkat dalaman, nasional mahupun antarabangsa. Perluasan dapat dilihat melalui pelbagai platform seperti emel dan media sosial. Kecekapan barisan kepimpinan dalam memacu dan menjalin hubungan kolaborasi telah membantu UiTMCP berjaya meraih geran-geran penyelidikan bernilai RM1,478,326.00 secara keseluruhan bagi tahun 2019 dan 2020. Hebahan mengenai geran-geran yang ditawarkan disebarluas melalui emel, mesyuarat serta sebaran melalui ketua-ketua jabatan.

Dalam melahirkan *ultimate outcomes* staf akademik ke arah meningkatkan kepimpinan dan kepakaran akademia dalam pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan penerbitan, inovasi dan pengkomersialan, tindakan yang dilaksanakan oleh Pengurusan Eksekutif adalah memberi keutamaan kepada pemerkasaan pengajaran dan pembelajaran bagi menyokong *IR4.0* serta ke arah Kampus Digital. Ia diperluaskan melalui penubuhan *Hub for Innovative Teaching and Learning* (HITeL). Beberapa pensyarah UiTMCP menjadi penceramah jemputan dalam siri kursus berterusan kepada warga UiTM seperti bengkel *Smart Classroom*, bengkel *software* dan lain-lain latihan berasaskan teknologi (Lampiran 1.3(d)).

Perluasan yang dilakukan oleh barisan kepimpinan dapat disaksikan melalui melaksanakan strategi perkongsian pintar, dan penglibatan UiTMCP dengan pihak luar terutama komuniti. Kaedah perluasan yang signifikan adalah pelaksanaan Program *Service Learning Malaysia - University For Society (SULAM)* bagi mengekang wabak COVID-19 seperti menghasilkan dan menyumbangkan *Hand Sanitizer*, sesi bimbingan cara dan kepentingan pemakaian cecair pencuci kepada komuniti, membekal produk PPE dan *Face Shield* kepada barisan hadapan

negara (Lampiran bukti SULAM). Pendekatan ini dapat mencapai sasaran PI 5, 31,32, 33, 34.

Perluasan ditonjolkan melalui kaedah penurunan kuasa. Setiap PTJ diberi kuasa dan tanggungjawab melaksanakan PI i-UiTM dan Inisiatif Strategik serta melaporkan status pencapaian secara berkala dalam mesyuarat seperti Mesyuarat Jawatankuasa Akademik Negeri (JAN), Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP), Mesyuarat Analisis Pencapaian skor PI i-UiTM, dan Fakulti/Bahagian (Lampiran 1.3(e)).

SENARAI BUKTI :

1. [Lampiran 1.3a.pdf](#)
2. [Lampiran 1.3b.pdf](#)
3. [Lampiran 1.3c.pdf](#)
4. [Lampiran 1.3d.pdf](#)
5. [Lampiran 1.3e.docx.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

1.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Kepimpinan UiTMCP yang dibantu oleh ahli pengurusan dalaman amat menitikberatkan pemantauan terhadap semua inisiatif strategik dan objektif yang dibuat. Dalam pemantauan, kepimpinan UiTM menggunakan inisiatif bersasar bagi memastikan kejayaan dan mengenal pasti punca kegagalan sesuatu inisiatif. Pemantauan menggunakan kaedah langsung dan tidak langsung di setiap peringkat dengan menggunakan pengukuran terhadap kepuasan pelanggan dan pemegang taruh (SuFO, TESA, IQA, ISO, Audit dalam), Indeks Kegembiraan bagi staf dan perspektif pemegang taruh (*Growth Index*). Ia adalah sesuai dengan pelan strategik UiTMCP 2020-2025 iaitu bertunjangkan kepada 3 Teras Utama: Pendidikan Berkualiti, Kecemerlangan Global dan prestasi Berorientasikan Nilai.

Bagi PI yang masih belum tercapai, tindakan pembedahan dan penambahbaikan akan dibincangkan bersama dalam mesyuarat analisis pencapaian Skor i-UiTM yang ahlinya merupakan semua pemegang PI bagi membincangkan langkah-langkah intervensi yang perlu dibuat dan ditambah baik bagi memastikan semua sasaran tercapai. Ia juga melibatkan kepakaran PTJ dari bahagian lain yang memberikan input positif berinovatif demi memastikan semua sasaran halatuju dicapai (Lampiran 1.4.1(a)).

Proses pemantauan, pengurusan risiko dan iktibar serta pembelajaran amat penting dalam merealisasikan perancangan strategik. Secara umumnya, proses pemantauan terhadap pelaksanaan pelan strategik di UiTMCP berasaskan kepada 2 platform utama: (a) Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) dan Mesyuarat Pengurusan Dalaman (MPD), dan (b) Mesyuarat Jawatankuasa Strategik Negeri (MJSN). MKSP dan MPD lebih memfokuskan kepada pemakluman dan pelaporan umum aktiviti perancangan strategik dan pencapaian Skor PI i-UiTM untuk perhatian dan tindakan PTJ (Lampiran 1.4.1(b)). Pelaporan prestasi dan pencapaian Skor PI i-UiTM yang lebih khusus beserta langkah-langkah intervensi dilaksanakan dalam platform MJSN yang diadakan setiap suku tahun iaitu pada April (Suku Pertama), Julai (Suku Kedua), Oktober (Suku Ketiga) dan Disember/Januari (Suku Akhir) setiap tahun. Ahli MJSN terdiri daripada Barisan Pengurusan Eksekutif, Ketua Unit Pengurusan Kualiti dan Ketua-ketua Fakulti/Pusat Pengajian dan Urusetia Pelaksana iaitu Penyelaras Strategik dan Transformasi Universiti (PSTU) dan kerani dari Bahagian Pejabat Pentadbiran. Ia adalah kumpulan tenaga kerja PTJ untuk merealisasikan sasaran 53 PI i-UiTM.

SENARAI BUKTI:

1. [Lampiran 1.4.1a.pdf](#)
2. [Lampiran 1.4.1b.pdf](#)

1.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Dalam pengurusan risiko UiTMCP, Jawatankuasa Perguruan Risiko dan Jawatankuasa Bencana Negeri ditubuhkan, dipengerusikan oleh Rektor, manakala semua ahli Pengurusan Eksekutif, Ketua bahagian, jabatan, fakulti dan unit sebagai ahli. Krisis penularan pandemik COVID-19 yang menjurus kepada penguatkuasaan PKP dan amalan norma baharu bagi mengurangkan risiko jangkitan telah memberikan impak kepada pelan strategik dan tadbir urus UiTMCP. Kepimpinan UiTMCP dibantu oleh Jawatankuasa Pelaksana Pengurusan Risiko, Jawatankuasa Operasi Bencana Negeri, Pejabat Polis Bantuan dengan penubuhan Bilik Gerakan telah mengamalkan pendekatan proaktif dan bersiap siaga mendepani pelbagai kemungkinan (Lampiran 1.4.2(a)). Pusat Keselamatan, Kesihatan Pekerjaan dan Kesejahteraan (COSHAW) UiTM serta Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerja 1994 (Akta 154) menjadi panduan kepada tindakan yang dirancang dan dilaksanakan (Lampiran 1.4.2(b)). Kesiapsiagaan dan tindakan yang tangkas sangat penting dalam menguruskan sebarang bentuk risiko atau bencana.

Keseluruhannya, dalam pemantauan risiko penting proses-proses utama dikenal pasti, mesyuarat kaji semula dilaksanakan dan dinilai. Segala keputusan yang diambil oleh barisan kepimpinan UiTMCP akan mempertimbangkan aspek-aspek seperti kawalan persekitaran, objektif dan hala tuju strategik UiTMCP serta sasaran kewangan dan bukan kewangan, struktur organisasi dan keteguhan pasukan kepimpinan kanan UiTMCP, budaya, pendekatan, dan sumber yang berkaitan dengan pengurusan risiko, agihan autoriti dan laporan diri pihak luar.

Proses pemantauan terhadap pelaksanaan pelan strategik UiTMCP berasaskan kepada dua platform utama: a) Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP), Mesyuarat Pengurusan Dalam (MPD), dan b) Mesyuarat Jawatankuasa Strategik Negeri (MJSN). Manakala pengurusan risiko dibincang dan dilaporkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Operasi Bencana Negeri (JOBN). MKSP, MPD dan JOBN memfokuskan kepada pemakluman dan pelaporan umum aktiviti perancangan strategik, pencapaian Skor PI i-UiTM dan pengurusan risiko untuk perhatian dan tindakan PTJ (Lampiran 1.4.2(c)).

Pengurusan Eksekutif UiTM amat menitikberatkan pengenalpastian berterusan dan penilaian risiko. Ini adalah penting bagi mengenal pasti tepat pada masanya dan menilai risiko penting dan dapat memberi keutamaan kepada risiko dan peruntukan sumber bagi menangani bidang risiko tinggi. Selain itu, segala maklumat dan komunikasi juga amat penting bagi memastikan segala risiko yang melibatkan semua objektif dan sasaran strategik utama UiTMCP dapat diatasi dengan mengambil kira kualiti, masa yang sesuai bagi kawalan kerosakan untuk diiktiraf atau kewujudan risiko yang dikenal pasti.

SENARAI BUKTI :

1. [Lampiran 1.4.2a.pdf](#)
2. [Lampiran 1.4.2b.pdf](#)
3. [Lampiran 1.4.2c.pdf](#)

1.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Mengkaji semula dan tindakan pembetulan ke arah menggerakkan i) Hasil Perancangan Strategik, ii) Hasil berasaskan pelanggan dan (iii) Hasil berasaskan operasi adalah penting dalam melihat keupayaan barisan kepimpinan UiTMCP untuk belajar dari masalah. Pengurusan Eksekutif UiTM menunjukkan kepantasan dan komitmen terhadap tindakan pembetulan yang dilaksanakan. Platform pemantauan utama adalah melalui saluran mesyuarat tertinggi di UiTMCP yang dipengerusikan oleh Rektor iaitu Mesyuarat Pengurusan Eksekutif (setiap 2 minggu), Mesyuarat JAN (dua kali setiap semester), MKSP (setiap 6 bulan), Mesyuarat Analisis Skor Pencapaian PI i-UiTM (setiap 3 bulan), Mesyuarat Jaminan Kualiti Akademik (JKA) (setiap 3 bulan), Mesyuarat Akademik (setiap semester), dan Mesyuarat Pengurusan Dalam (MPD) (setiap bulan) (Lampiran 1.4.3(a)). Semua mesyuarat yang dijalankan dirancang dengan pendekatan yang sistematik dan kalendar mesyuarat disediakan pada awal tahun dan disebar luas kepada semua ahlinya. Di dalam mesyuarat ini ahli pengurusan akan menyediakan log tindakan dan laporan kajian semula keberkesanan sistem kawalan dalaman setiap tahun untuk dinilai dan pertimbangkan oleh ahli pengurusan eksekutif.

Selain itu, laporan dari hasil Audit Dalam juga merupakan platform yang sangat signifikan dalam tindakan penambahbaikan (Lampiran 1.4.3(b)). Selari dengan pembangunan kepimpinan staf, ahli akademik juga sentiasa perlu menambahbaik kepakaran dan keserjanaan ilmu melalui keputusan yang diperolehi seperti SuFO dan juga dapatan analisis CDL-CQI (Lampiran 1.4.3(c)). Tambahan lagi, sistem PRO-PENS yang digantikan sementara akibat pandemik iaitu *Teaching Evaluation Self-Assessment* (TESA) juga mampu memberi nilai tambah kepada ahli akademik yang dinilai supaya menambahbaik prestasi sendiri (Lampiran 1.4.3(d)).

Mesyuarat tersebut memberi ruang kepada semua PTJ melaporkan pencapaian tugas masing-masing dan membolehkan ahli mesyuarat membincangkan isu, mengenal pasti punca, serta mencadangkan langkah intervensi untuk tindakan penambahbaikan bagi kes-kes yang tidak mencapai sasaran termasuk berkaitan dengan pembangunan staf akademik. Hasil mesyuarat akan dicatatkan dan dianalisis untuk tindakan pihak PTJ. Seterusnya di peringkat PTJ, pihak ini akan memastikan hasil mesyuarat disampaikan kepada staf masing-masing supaya tindakan penambahbaikan diambil dengan produktif terutama bagi perkara yang melibatkan bidang tumpuan.

SENARAI BUKTI :

1. [Lampiran 1.4.3a.pdf](#)
2. [Lampiran 1.4.3b.pdf](#)
3. [Lampiran 1.4.3c.pdf](#)
4. [Lampiran 1.4.3d.pdf](#)

1.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Pengurusan Eksekutif dan setiap peringkat kepimpinan UiTMCP sentiasa berusaha untuk menggerakkan semua objektif dan inisiatif strategik yang dirancang. Barisan kepimpinan UiTMCP membuat pelbagai pelan tindakan, penambahbaikan, inovasi dan intervensi dalam mencapai hasil perancangan strategik kampus.

Dalam aspek kecemerlangan kepimpinan, UiTMCP menonjolkan kepakaran dan bakat dalam menerajui inisiatif strategik dan objektif yang ingin dicapai. Barisan pemimpin UiTMCP menggunakan konsep kepimpinan melalui teladan, yang mana semua inisiatif dan objektif strategik yang ingin dicapai diterajui oleh setiap ketua seperti Rektor, Pengurusan Eksekutif, ketua fakulti, ketua bahagian dan unit. Rektor UiTMCP dianugerahkan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) tahun 2020 atas kecemerlangan kepimpinan kampus cawangan.

Kecemerlangan kepimpinan yang berpaksikan Pendidikan Berkualiti dilakukan melalui pendekatan hubungan dan keterlibatan industri serta badan profesional dalam pembangunan program akademik bagi memastikan program yang ditawarkan memenuhi kehendak pasaran, berdaya saing, relevan, memenuhi keperluan industri dan lestari (Lampiran 1.5(e)). UiTMCP mendapat Anugerah Pengurusan Akademik Cemerlang (PAC)-PLATINUM dan Anugerah PAC Kategori Kampus-EMAS pada tahun 2019. Ia merupakan pengiktirafan signifikan kepada kepimpinan pengurusan akademik UiTMCP dalam merencana dan melaksanakan operasi akademik serta menyampaikan perkhidmatan yang bermutu kepada pelajar dan universiti. (Lampiran 1.5(a)).

Bagi menggerakkan tumpuan kepada penerafan terhadap penyelidikan, kepimpinan UiTMCP telah menubuhkan RIG yang ahlinya terdiri daripada akademia pakar dalam penyelidikan. RIG di UiTMCP bergerak aktif dalam pelbagai aspek terutamanya mendapatkan geran-geran penyelidikan. KPI asas ditetapkan setiap tahun dan menjadi kewajipan bagi RIG untuk mencapai lebih dari sasaran. Hasilnya terdapat 2 RIG telah mendapat 5 Star EK Rating iaitu *Green Safe Cities (GreSafe)* dan *Machine Learning & Interactive Visualization Research Group* (Lampiran 1.5(b)).

Dalam menggerakkan Inisiatif Kampus Hijau Tahun 2016-2020, Pengurusan Eksekutif UiTMCP melantik Penyelaras Kampus Hijau yang proaktif dan berpengalaman bagi mendukung Objektif Kualiti 8: Inisiatif Kampus Hijau yang merangkumi 13 inisiatif dalam pemantauan keseluruhan pembangunan, pengoperasian dan penyelenggaraan mengikut kriteria yang ditetapkan oleh *UI Green Metric World University Ranking*. Jawatankuasa Kampus Hijau (JKH) (Lampiran 1.5(c)) dibentuk bagi merancang, melaksana dan memantau keberkesanan program-program berkaitan kampus hijau antaranya projek kutipan 3R sekitar kampus, MoU bersama syarikat e-Idaman, projek pemasangan solar mini di wakaf tasik, *Agro Farm @ Campus Crowdfunding* dan *Green Talk Webinar Series* (Lampiran 1.5(d)).

SENARAI BUKTI :

1. [Lampiran 1.5a.pdf](#)
2. [Lampiran 1.5b.pdf](#)
3. [Lampiran 1.5c.pdf](#)
4. [Lampiran 1.5d.pdf](#)
5. [Lampiran 1.5e.pdf](#)

KRITERIA 2 : PERANCANGAN STRATEGIK

2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Perancangan strategik UiTM Cawangan Perak (UiTMCP) 2019-2020 boleh dipecahkan kepada 2 fasa utama. Tahun 2019 adalah merupakan fasa akhir pelaksanaan RMK-11 UiTMCP 2016-2020. Bermula dari tahun 2020, UiTMCP telah merangka dan melaksanakan pelan perancangan strategik yang berpaksikan kepada *Blueprint* atau Pelan Strategik UiTM 2025 (2020-2025). Dalam tempoh ini, tidak boleh dinafikan bahawa perancangan strategik UiTMCP sentiasa mendapat perhatian daripada fakulti dan kampus-kampus lain di seluruh sistem UiTM kerana tren keberhasilan dalam pencapaian skor *Performance Indicator* (PI) i-UiTM sering menjadi sebutan terutama dalam tempoh RMK-11. Ketampakan yang ketara apabila keterlibatan UiTMCP yang diwakili oleh Penyelaras Strategik dan Transformasi Universiti (PSTU) telah dijemput oleh Bahagian Transformasi Universiti (BTU) dalam sesi-sesi percambahan idea, membangun dan semakan semula Pelan Strategik UiTM 2025 pada tahun 2019 dan 2020. Ini adalah salah satu contoh mekanisma penyebarkan amalan terbaik dalam perancangan strategik dan kepimpinan di UiTMCP untuk memperoleh manfaat secara bersama. Bahagian ini akan merumuskan pelaksanaan pendekatan (*approach*), perluasan (*deployment*) dan pemantauan serta pencapaian perancangan strategik (*learning*) secara menyeluruh dan seterusnya membawa fokus perbincangan kepada bidang tumpuan utama iaitu penyampaian perkhidmatan dari aspek kepimpinan. Pada bahagian akhir, turut merumuskan langkah-langkah intervensi dan penyatuan (*integration*) secara menyeluruh sebagai '*close the loop*' terhadap proses ADLI - *Approach-Deploy-Learning-Integration*.

2.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Secara umumnya, pendekatan perancangan strategik UiTMCP 2016-2020 diformulasi dan didasarkan kepada perancangan strategik UiTM Induk (RMK-11 UiTM Malaysia, 2016-2020). Bermula dari tahun 2020 sehingga 2025, pendekatannya adalah didasari oleh Pelan Strategik UiTM 2025 (Lampiran 2.2(a)). Maka, pendekatan perancangan, pelaksanaan dan pemantauan semasa adalah dilaksanakan seiring dengan Hala Tuju Matlamat Strategik UiTM 2025 ke arah melonjak UiTM menjadi Universiti Terkemuka Dunia (*Globally Renowned University by 2025*). Pengurusan Eksekutif UiTMCP komited dalam memupuk dan membina budaya serta gerak kerja pantas dan dinamik yang sesuai dengan kompetensi dan kekuatan kampus, di samping memperhalusi potensi dan cabaran semasa. Secara dasarnya, fokus perancangan strategik 2020 secara keseluruhan dan perancangan serta pelaksanaan bidang penyampaian perkhidmatan dari aspek kepimpinan adalah berpaksikan kepada 53 PI (PI i-UiTM yang telah diperturunkan) berserta sasarannya (Lampiran 2.2(d)).

53 PI telah dipertanggungjawabkan kepada Tiga Kumpulan Teras Utama dan jumlah sasaran 53 PI tersebut diagihkan kepada Fakulti dan Pusat Pengajian mengikut kapasiti semasa secara lebih berkesan dan bersasar. Dari perspektif yang lebih menyeluruh, Rajah 2.2 menggambarkan model pendekatan dan pelaksanaan pelan strategik UiTMCP (*Strategic Execution Model 2025@UiTM Perak*) 2020-2025.

Merujuk kepada (Lampiran 2.2(d)), pendekatan membangun dan melaksanakan pelan strategik UiTMCP adalah bertunjangkan kepada 3 Teras Utama iaitu Pendidikan Berkualiti, Kecemerlangan Global dan Prestasi Berorientasikan Nilai. Seterusnya, 3 Teras ini telah dipertanggungjawabkan kepada 7 PTJ utama mengikut tugasan hakiki dan kepakaran PTJ berkenaan. Bahagian Hal Ehwal Akademik (BHEA) sebagai contoh, diberikan tanggungjawab utama untuk mengemudi Teras Pendidikan Berkualiti dan dianggotai oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP) dan MASMED selaku PTJ-Bersama yang berkolaborasi dan berkonsolidasi ke arah merealisasikan Tema-Tema Strategik dalam Pelan Strategik UiTM 2025. Pejabat Jaringan Industri, Masyarakat dan Alumni (PJIM&A) dan Pejabat Pentadbiran pula masing-masing mengetuai Teras Kedua dan Ketiga bersama PTJ-Bersama (rujuk Rajah 2.2) ke arah memperkasa pencapaian terhadap Tema-Tema Strategik yang dipertanggungjawabkan. Untuk itu, sebanyak 23 Pelan Tindakan Strategik (SAP) yang berorientasikan kepakaran dan kompetensi warga pelaksana utama telah dibangunkan bagi merencanakan pencapaian terhadap 53 PI dan sasarannya (Lampiran 2.2(b)).

Pendekatan yang diguna pakai ini adalah dilihat lebih strategik dan menunjukkan ciri-ciri gaya penyampaian perkhidmatan kepimpinan di UiTMCP. Ianya adalah berasaskan kepada pendekatan *Top-Down* dan *Bottom-Up*. *Top-Down* adalah merujuk kepada proses menterjemah dan mengadaptasi Pelan Strategik UiTM 2025 di peringkat UiTMCP dan seterusnya membangun dan melaksanakan 23 SAP berasaskan kepada kompetensi dan ketersediaan PTJ dan kesemua staf akademik, staf pentadbiran dan pelajar (Lampiran 2.2(c)). Manakala pendekatan *Bottom-Up* merujuk kepada penglibatan staf pelaksana dalam proses merancang pelan strategik secara menyeluruh. Insentif dan sokongan dari peringkat Pengurusan Eksekutif dan Pengurusan Dalaman akan disalurkan dari semasa ke semasa dari pelbagai aspek yang diperlukan oleh pelaksana utama. Sebahagian besar pelaksana utama berada di Fakulti dan Pusat Pengajian. Maka, seperti dinyatakan, agihan jumlah sasaran PI dibuat secara bersasar yang berasaskan kepada kapasiti bidang kepakaran, kekuatan serta kompetensi semasa.

SENARAI BUKTI:

1. [Lampiran 2.2a.pdf](#)
2. [Lampiran 2.2b.pdf](#)
3. [Lampiran 2.2c.pdf](#)
4. [Lampiran 2.2d.pdf](#)
5. [Lampiran 2.2e.docx.pdf](#)

2.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Tahun 2019 merupakan tahun terakhir pelaksanaan terhadap pelan strategik RMK-11 (2016-2020) yang berpetakan kepada Pelan Strategik RMK-11 UiTM. Manakala, tahun 2020 adalah merupakan tahun pertama pelaksanaan Pelan Strategik UiTM 2025 (Lampiran 2.3(a)). 7 PTJ yang dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan pelan-pelan strategik di bawah Teras Strategik masing-masing bagi menjayakan sasaran Skor PI i-UiTM sekurang-kurangnya 85% setiap tahun (Lampiran 2.3(b)). Tidak ketinggalan juga, unit atau bahagian lain yang wujud dalam sistem tadbir urus UiTMCP turut memberikan kerjasama dan sokongan padu sesuai dengan tugas hakiki masing-masing seperti Bahagian Perpustakaan, Bahagian Infostruktur, dan Bahagian Pengurusan dan Pembangunan Fasiliti. Hasilnya, tren pencapaian sasaran perancangan strategik bagi tempoh 2019 dan 2020 telah melonjak dan menurun dan pembelajaran daripada pencapaian ini diperincikan dalam Bahagian 2.4.1.

Melalui lensa pendekatan strategik, setiap staf akademik, staf pentadbiran dan pelajar adalah merupakan aset penting universiti. Mereka menjadi tulang belakang utama kepada kelestarian universiti di peringkat nasional mahupun global. Sehubungan itu, fungsi dan peranan warga diperlihatkan secara jelas dalam Model Pelaksanaan Pelan Strategik@UiTM Perak 2020-2025. Selaku pelaksana utama pelan strategik UiTMCP, maka, sudah pastinya mereka ini menjadi fokus utama di dalam proses penyampaian perkhidmatan kepimpinan universiti sama ada di Peringkat Pengurusan Eksekutif mahupun Pengurusan Dalaman. Hubungan governan dan kebajikan warga adalah bersifat timbal balik, semakin baik dan berkesan insentif serta sokongan dan kebajikan dilaburkan, maka semakin tinggi pulangan kesan positif yang akan disumbangkan kepada universiti (Lampiran 2.3(c)).

Sungguhpun demikian, ianya haruslah bersandarkan kepada pelan tindakan strategik (SAP) yang telah dipersetujui oleh Pengurusan Eksekutif, berkesan dan menyeluruh serta berpaksikan kepada PI dan sasaran yang diperturunkan oleh BTU. PI adalah asas pengukuran utama bagi kecemerlangan universiti mahupun kampus atau fakulti dalam konteks Pelan Strategik RMK-11 mahupun UiTM 2025. Lampiran 2.3(b) menunjukkan strategi pecahan PI mengikut PTJ dan ciri-ciri SAP, dan strategi pelaksanaan SAP khususnya bagi tahun 2020.

Lampiran 2.3(d) menunjukkan strategi pelaksanaan pelan strategik yang mengelaskan PI kepada 3 kategori utama iaitu (a) PI Utama yang berorientasikan kepada fakulti atau pusat pengajian, (b) Sub-PI fakulti atau pusat pengajian, dan (c) PI Utama berorientasikan bahagian (tanggungjawab PTJ sendiri). Ianya membentuk pengkhususan PI secara bersasar mengikut kapasiti dan keupayaan PTJ dan pelaksana utama di peringkat fakulti. Maka, dari sini proses pengukuran dan pemantauan terhadap prestasi PTJ dan fakulti dapat dilaksanakan secara lebih berkesan dan holistik. Inilah bukti bahawa SAP telah dibangunkan secara bersasar kepada strategi mencapai jumlah sasaran 53 PI mengikut PTJ masing-masing dan ianya dijayakan melalui 2 model pelaksanaan (Lampiran 2.3(e)), sama ada dilaksanakan secara kolaborasi di antara PTJ dalam Kumpulan Teras atau di antara Kumpulan Teras dan secara *single host*.

Terdapat 2 model yang dilaksanakan ini (Lampiran 2.3(e)) adalah untuk memastikan pengukuran dan pemantauan yang lebih dekat dan berkesan dapat dilakukan terutama oleh Pengurusan Eksekutif selaku pengarah projek. Selain itu, pengurus projek di peringkat fakulti atau pusat pengajian dan bahagian atau unit dapat menggembelng usaha dan komitmen warga di bawah seliaan masing-masing bagi menjayakan SAP dan menyumbang kepada data pencapaian terhadap sasaran 53 PI.

SENARAI BUKTI :

1. [Lampiran 2.3a.pdf](#)
2. [Lampiran 2.3b.pdf](#)
3. [Lampiran 2.3c.pdf](#)
4. [Lampiran 2.3d.docx.pdf](#)
5. [Lampiran 2.3e.docx.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

2.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Proses pemantauan, pengurusan risiko dan iktibar serta pembelajaran amat penting dalam merealisasikan perancangan strategik. Secara umumnya, proses pemantauan terhadap pelaksanaan pelan strategik UiTMCP adalah berasaskan kepada 2 kaedah utama: (a) Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) dan Mesyuarat Pengurusan Dalaman (MPD), dan (b) Mesyuarat Jawatankuasa Strategik Negeri (MJSN). MKSP dan MPD lebih memfokuskan kepada pemakluman dan pelaporan umum aktiviti perancangan strategik dan pencapaian Skor PI i-UiTM untuk perhatian dan tindakan PTJ terbabit (Lampiran 2.4.1 (a)).

Pelaporan prestasi dan pencapaian Skor PI i-UiTM yang lebih khusus beserta langkah-langkah intervensi adalah dilaksanakan dalam platform MJSN yang diadakan setiap suku tahun iaitu pada April (Suku Pertama), Julai (Suku Kedua), Oktober (Suku Ketiga) dan Januari/Februari (Suku Akhir) setiap tahun (Lampiran 2.4.1(b)). Ahli MJSN adalah terdiri daripada Barisan Pengurusan Eksekutif, Ketua Unit Pengurusan Kualiti dan Ketua-ketua Fakulti dan Pusat Pengajian dan Urusetia Pelaksana iaitu PSTU dan kerani dari Bahagian Pejabat Pentadbiran. Ia adalah kumpulan *task force* PTJ untuk merealisasikan sasaran 53 PI i-UiTM (khususnya untuk tahun 2020) yang merujuk kepada Model Pelaksanaan Pelan Strategik (Lampiran 2.4.1(c)).

Sebagai contoh, dalam MJSN suku ke 2 tahun 2020 telah mengenal pasti wujudnya 10 PI khususnya dari aktiviti-aktiviti penyelidikan, penerbitan dan MoU yang belum lagi memperoleh sebarang data pencapaian. Berikutan itu, mesyuarat tersebut telah membawa kepada beberapa langkah intervensi yang lebih bersasar dan proaktif seperti inisiatif *International Exchange Grant (IEG)* bersama rakan *MoU* antarabangsa sehingga mencapai sasaran khas Naib Canselor iaitu 10 MoU/MoA dengan universiti-universiti antarabangsa pada tahun 2020 dan Geran Khas Insentif Penyelidikan Perak (GKIPP) sehingga ternyata memberikan keberhasilan, di mana 6 daripada 10 PI tersebut berjaya memperoleh data (dari >5% sehingga 100%) dan sekaligus menyumbang kepada skor peratus keseluruhan.

Selain itu, di peringkat fakulti dan pusat pengajian, ada penyelaras PJIM&A yang dilantik yang mewakili setiap fakulti dan pusat pengajian dalam proses pengumpulan dan pelaporan data. Mekanisma yang dilaksanakan ini didapati berkesan dan perolehan data untuk tujuan pemantauan dapat dilakukan dengan baik dan sistematik.

SENARAI BUKTI:

1. [Lampiran 2.4.1a.pdf](#)
2. [Lampiran 2.4.1b.pdf](#)
3. [Lampiran 2.4.1c.pdf](#)

2.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Proses pemantauan terhadap pelaksanaan dan pencapaian sasaran lebih mudah dilaksanakan sekiranya pengurusan risiko dilaksanakan lebih awal sebelum dan semasa melaksanakan pelan strategik. UiTMCP telah menubuhkan Unit Pengurusan Risiko yang bertanggungjawab mengumpul dan menganalisis jenis-jenis risiko yang dikenal pasti oleh setiap PTJ. Unit ini terbahagi kepada 2 bahagian iaitu Jawatankuasa Pemilik Risiko dan Jawatankuasa Pelaksana Risiko. Di mana Jawatankuasa Pemilik Risiko dipengerusikan oleh Rektor UiTMCP dan setiap ahlinya terdiri daripada Pengurusan Eksekutif. Ini selaras dengan peruntukan Arahan Dasar dan Mekanisma Pengurusan Risiko UiTM (Lampiran 2.4.2 (a)). Sebagai langkah kawalan pemantauan setiap jenis dan tahap risiko yang didaftarkan oleh PTJ perlu dibincang bersama dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemilik Risiko bagi mendapat persetujuan Pengerusi Jawatankuasa Pemilik Risiko agar ia bersesuaian dengan situasi persekitaran setiap PTJ (Lampiran 2.4.2 (b)). Ternyata tahun 2019 dan 2020 telah memberi impak yang besar kepada perancangan risiko UiTMCP apabila wabak COVID-19 melanda. Namun kesiapsiagaan pucuk kepimpinan UiTMCP, khususnya Rektor dalam mengarahkan Unit Pengurusan Risiko melakukan analisis impak operasi COVID-19 dapat mengurangkan impak risiko yang lebih besar apabila kesemua langkah kawalan telah diambil kira lebih awal (Lampiran 2.4.2 (c)). Ternyata peranan Rektor sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pemilik Risiko adalah penting dalam memantau dan menilai setiap tahap risiko mengikut keutamaan risiko yang memerlukan perhatian.

Selain itu, Pengurusan Eksekutif UiTMCP turut mengambil langkah awal mengenal pasti jenis dan tahap risiko berasaskan senarai risiko yang didaftarkan di UiTM mahupun risiko baharu bagi setiap SAP kerana ia melibatkan kos dan manfaat (*cost and benefit*) yang harus diperhalusi agar dapat memberi jaminan munasabah ke arah pencapaian PI yang disasarkan. Seperti dinyatakan, pemilikan setiap SAP adalah jelas dan ada kumpulan pelaksana masing-masing (Lampiran 2.4.2 (d)). Sekaligus, melalui proses tindakan pencegahan dalam pengurusan risiko ini membantu melancarkan proses di peringkat pemantauan dan pelaksanaan pelan strategik UiTMCP secara menyeluruh. Sebagai tambahan, langkah-langkah preventif dan intervensi adalah satu bentuk pengurusan pengetahuan yang telah dilaksanakan dan ianya dipercayai akan mewujudkan suasana persekitaran kerja yang lebih mesra dan sekaligus akan meningkatkan produktiviti dan kualiti warga ke arah merealisasikan sasaran PI i-UiTM sebanyak 85% dan ke atas bagi tahun 2021 dan seterusnya.

SENARAI BUKTI :

1. [Lampiran 2.4.2a.pdf](#)
2. [Lampiran 2.4.2b.pdf](#)
3. [Lampiran 2.4.2c.pdf](#)
4. [Lampiran 2.4.2d.pdf](#)

2.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Pada tahun 2019, UiTMCP memperoleh skor tertinggi iaitu 93% di peringkat kampus (Rajah 2.5) dan boleh dikatakan pada tahun ini merupakan kemuncak kecemerlangan UiTMCP bagi tempoh Perancangan Strategik RMKe-11. Bagaimanapun, prestasi tersebut tidak berkekalan pada tahun 2020 yang merupakan tahun pertama pelaksanaan Pelan Strategik UiTM 2025 (RMKe-12, 2020-2025). Berasaskan kepada konsep pengurusan pengetahuan yang dilaksanakan, keberhasilan yang sedikit kurang merupakan langkah permulaan yang wajar dilalui untuk melangkau lebih jauh pada tahun-tahun berikutnya sehingga ke kemuncaknya pada 2025. Sekaligus memberikan satu isyarat kepada perlunya penggubalan pelan-pelan strategik yang lebih berenergi dengan sinergi ke arah transformasi kecemerlangan. Prestasi Suku Kedua (Julai 2020) adalah lebih baik berbanding prestasi tahun 2019. Tetapi, didapati pada suku-suku seterusnya menunjukkan peningkatan skor berlaku agak perlahan dan akhirnya UiTMCP hanya mencapai 83.4% berbanding sasaran 85%. Rajah 2.6 menunjukkan situasi sebenar yang berlaku, di mana UiTMCP tidak dapat memecahkan halangan untuk PI yang berkaitan dengan penyelidikan dan penerbitan dari PTJ-RMU iaitu hanya berjaya mencapai 58.9% (rujuk juga Jadual 1.2), walaupun langkah-langkah intervensi awal telah dilaksanakan. Manakala pencapaian bagi PI yang lain, telah melepasi sasaran 85% dan berjaya sehingga 100%.

Jadual 2.2 mempamerkan analisis data ringkas prestasi UiTMCP berbanding dengan kampus-kampus pesaing dari segi skor keseluruhan dan PI yang tiada pencapaian. Dari skor keseluruhan, hanya UiTM Cawangan Negeri Sembilan yang mencapai sasaran 85%. UiTMCP di kedudukan selepas UiTM Cawangan Sarawak dengan 84%, dan mempunyai skor yang sama dengan UiTM Cawangan Johor dan Melaka. Semua kampus didapati mempunyai PI yang tiada data pencapaian dan PI tersebut juga sebahagian besarnya berkaitan dengan penyelidikan dan penerbitan serta MoU/MoA bersama syarikat diiktiraf global yang rata-rata kampus tersebut tidak dapat skor. Bagaimanapun, prestasi dan kejayaan UiTMCP dari aspek-aspek strategik lain seperti pencapaian akademik, ketampakan dan kolaborasi antarabangsa masih boleh dibanggakan (Rajah 2.6) dan sekali gus membuktikan pendekatan perancangan strategik adalah bersifat anjal dan holistik, keberhasilan dari kaedah penyampaian perkhidmatan kepimpinan yang berkesan. Rumusan dari analisis ini menunjukkan bahawa UiTMCP masih berdaya saing dengan kampus-kampus pesaing walaupun sedikit tersasar dari sasaran 85% yang telah ditetapkan.

SENARAI BUKTI :

1. [Lampiran 2.4.3a.pdf](#)
2. [Lampiran 2.4.3b.pdf](#)
3. [Lampiran 2.4.3c.pdf](#)

2.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Bersandarkan kapasiti akademia, staf pentadbiran dan pelajar serta pencapaian dan kekuatan semasa, lensa perancangan strategik merumuskan 2 senario perancangan atau cabaran yang perlu diuruskan secara berkesan dan komprehensif oleh Pengurusan Eksekutif khususnya, iaitu: (a) cabaran untuk merealisasikan sasaran skor PI i-UiTM 85% dan penarafan universiti di peringkat global dan (b) penggunaan sumber tenaga akademik yang mencapai tahap tepu atau melebihi 18 jam seminggu untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik. Kedua isu ini diperhalusi dan dibincangkan dalam MPD, dan solusi telah dikenal pasti dan dilaksanakan menerusi pendekatan perancangan strategik dan governan. Dari segi amalan perancangan strategik, UiTMCP telah melaksanakan perancangan strategik secara *unusual business* melalui amalan-amalan kolaborasi di antara PTJ untuk mencetuskan inovasi dan kreativiti terutama di peringkat penggubalan pelan strategik dan pelaksanaan serta pemantauan di peringkat PTJ. Dari segi proses tadbir urus, walaupun wujudnya kekangan dalam melaksanakan Pekeliling Akademik Bilangan 3 Tahun 2019: Pelaksanaan Penggunaan Sistem MyATP Sebagai Medium Penyediaan Sasaran Kerja Tahunan dan Laporan Nilai Prestasi Tahunan Staf Akademik UiTM (Lampiran 2.5 (a)) secara sepenuhnya kerana nisbah pelajar dan pensyarah yang tinggi, tetapi Pengurusan Eksekutif memutuskan pekeliling tersebut dilaksanakan sepenuhnya pada tahun 2021. Ini adalah pendekatan *Top-Down* dan *Bottom-Up* yang cuba dilaksanakan secara lebih bersasar dalam sistem penyampaian perkhidmatan kepimpinan di UiTMCP.

Penjajaran gerak kerja dan hala tuju pelan strategik ini adalah untuk meningkatkan pencapaian Skor PI i-UiTM sehingga 85% dan ke atas setiap tahun sehingga 2025. Malahan, secara tersiratnya adalah ke arah membentuk sistem budaya kerja cemerlang dan lestari serta berimpak kepada institusi universiti secara keseluruhannya. Sekaligus menyumbang kepada pencapaian sasaran 22 Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dan 9 '*Desired State*' (Lampiran 2.5 (b)) yang menjadi asas pengukuran penting sebagai penandaarasan kepada Universiti Terkemuka Dunia. Perlu dinyatakan di sini, pendekatan perancangan strategik UiTMCP (Strategik Mikro) ini sentiasa selari dengan fokus strategik di peringkat Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan pelan strategik di peringkat Kerajaan Negeri Perak, Darul Ridzuan, khususnya dalam memperkasa sumber tenaga manusia dan kebolehpasaran graduan, memacu kesejahteraan komuniti dan mempersada kecemerlangan institusi pendidikan negara.

SENARAI BUKTI :

1. [Lampiran 2.5a.pdf](#)
2. [Lampiran 2.5b.pdf](#)

KRITERIA 3 : TUMPUAN KEPADA PELANGGAN

3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

UiTM Cawangan Perak (UiTMCP) sentiasa menitikberatkan pelaksanaan perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan dan memastikan terdapat penglibatan pelanggan dalam pengoperasian sistem dan proses kerja yang dijalankan. Penglibatan pelanggan adalah penting bagi memastikan universiti terus cemerlang sebagai sebuah Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang unggul. Perancangan Strategik dan Objektif Kualiti UiTMCP turut menyasarkan pelbagai Petunjuk Prestasi (PI) yang berkaitan dengan pelanggan.

Pada tahun 2019, pendekatan yang diamalkan oleh kepimpinan UiTMCP dalam menyampaikan perkhidmatan kepada pelanggan adalah melalui nilai kecemerlangan, integriti dan sinergi (ESI). Kecemerlangan pencapaian telah dibuktikan dengan skor PI 93% iaitu pencapaian tertinggi kampus bagi pelaksanaan dasar pelan strategik RMK-11 UiTM Malaysia 2016-2020. UiTMCP terus dinamik dalam merangka strategi dan melaksanakan *Strategic Execution Model 2025@UiTM* Perak yang berpaksikan kepada Pelan Strategik UiTM 2025 (2020-2025). Pendekatan yang digunakan adalah melalui 3 Teras Utama iaitu Pendidikan Berkualiti, Kecemerlangan Global dan prestasi Berorientasikan Nilai.

Penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang bermula pada 18 Mac 2020 telah memberi impak kepada perancangan yang telah dirangka bagi sepanjang tahun 2020. Namun, kepimpinan UiTMCP bergerak pantas melaksanakan tindakan yang sesuai dengan kecekapan dan kekuatan kampus di samping memperhalusi potensi dan cabaran secara berterusan. Penglibatan semua lapisan kepimpinan bermula dari peringkat eksekutif, pengurusan dalaman yang dianggotai oleh ketua-ketua unit dan bahagian, ketua-ketua fakulti serta ketua pusat pengajian sehingga ke barisan kepimpinan pelajar telah bergabung tenaga merancang dan menjalankan tanggungjawab, demi pelanggan. Keprihatinan dan kesejahteraan seluruh warga adalah satu keutamaan. Amalan konsep sinergi antara bahagian melalui pelaksanaan beberapa siri program *Counseling, Sport & Islamic Spirit (CSI)* secara maya pada tahun 2020 membuktikan keprihatinan pengurusan terhadap kesejahteraan warga kampus.

Sikap keprihatinan ini turut disebarluaskan ke peringkat nasional apabila UiTMCP turut menyumbang kepakaran dan kecekapan melalui projek SULAM seperti penyediaan kelengkapan *Personal Protective Equipment (PPE)* pakai buang dan *face shield* yang mana semuanya merupakan hasil ciptaan dan perkongsian kepakaran dalaman UiTMCP sendiri. Projek ini dihasilkan oleh sukarelawan berkemahiran dikalangan staf dan pelajar dengan kemudahan bengkel jahitan sedia ada di Fakulti Senilukis & Senireka (FSSR). Selain itu, *hand sanitizer* turut dihasilkan di makmal Fakulti Sains Gunaan (FSG), Kampus Tapah. Kesemua sumbangan ini adalah untuk kegunaan petugas barisan hadapan di hospital-hospital dan pusat kesihatan sekitar negeri Perak.

Kecemerlangan operasi UiTMCP diteruskan dengan tindakan pantas dan cekap terhadap setiap maklum balas dan aduan daripada pelanggan yang telah diuruskan oleh Unit Komunikasi Korporat (UKK). Analisis pencapaian kepuasan pelanggan dibentangkan dalam Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP) sebanyak 2 kali setahun yang dianggotai oleh ketua-ketua bahagian dan unit. Selain itu, pelaporan aktiviti yang dijalankan sepanjang tahun turut dianalisis untuk tindakan pencegahan dan penambahbaikan secara berterusan. Keberkesanan cara kerja yang diamalkan oleh UiTMCP ini telah dibuktikan dengan pencapaian-pencapaian cemerlang yang dilakar pada tahun 2019 dan 2020.

Kecekapan kepimpinan UiTMCP turut disokong oleh kompetensi warga yang dinamik dan bersikap terbuka melakukan perubahan positif. Kepimpinan menghargai warganya yang cemerlang dengan penganugerahan pelbagai penghargaan disamping menyantuni warga yang memerlukan bantuan. Sokongan warga terhadap kepimpinan telah dibuktikan melalui pencapaian indeks kegirangan yang terbaik antara kampus pada tahun 2020.

3.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Terdapat 4 kategori pelanggan UiTMCP iaitu Pelanggan Misi, Pelanggan Proses, Pelanggan Dalam dan Pelanggan Luar telah diperincikan dalam Manual Kualiti. Kepimpinan UiTMCP adalah meliputi kepimpinan peringkat eksekutif, bahagian, unit, fakulti dan pusat pengajian. Semua peringkat kepimpinan sentiasa komited dalam menyampaikan perkhidmatan agar tahap kepuasan semua kategori pelanggan yang terlibat mencapai tahap terbaik dan memuaskan. Kecemerlangan kepimpinan UiTMCP ditadbir oleh 7 bahagian utama iaitu BHEA, BHEP, PJI(RMU), PJI(ICAN), PJI(MASMED), Pejabat Pentadbiran dan Bendahari. Kesemua PTJ ini disasarkan PI tertentu dan pencapaian menjadi antara kayu pengukur terhadap keberkesanan perkhidmatan yang disampaikan. Kumpulan sasaran utama bagi bidang tumpuan penyampaian perkhidmatan dari aspek kepimpinan yang dipilih adalah staf akademik. Berdasarkan rekod sehingga 31 Disember 2020, UiTMCP mempunyai 680 orang staf akademik bermula dari gred jawatan DM32 sehingga VK7 yang terdiri dari 9 buah fakulti. 152 orang daripadanya berkelulusan doktor falsafah dan seramai 227 orang pensyarah telah berdaftar dengan badan profesional mengikut kepakaran bidang masing-masing. (Lampiran 3.2(a)).

Pada tahun 2019, pencapaian skor PI UiTMCP adalah 93% iaitu melebihi sasaran 85%. Ini membuktikan kompetensi warga selaku pelaksana utama melalui kepimpinan yang proaktif telah berjaya memberikan perkhidmatan terbaik kepada pelanggannya. Kepimpinan berteraskan nilai ESI merupakan pendekatan utama yang diamalkan dalam melaksanakan tanggungjawab. Kecemerlangan kepimpinan diteruskan pada tahun 2020 walaupun gaya penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan terpaksa berubah rentak disebabkan Pandemik COVID-19. Penguatkuasaan PKP di Malaysia turut memberikan impak kepada barisan kepimpinan dan pelaksana di UiTMCP dalam merancang semula pendekatan yang sesuai agar perkhidmatan kepada pelanggan dapat disampaikan dengan sebaiknya. Pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) secara *Open Distance Learning* (ODL) telah dilaksanakan dengan teliti bagi memastikan pelanggan proses khususnya para pelajar tiada yang tercicir dalam pembelajaran disamping staf akademik terus cekap, kreatif dan prihatin menjalankan tanggungjawab. Ia dibuktikan melalui pencapaian KPI peperiksaan yang meningkat dari tahun 2019 hingga 2020. Bagi menggalas Teras Pendidikan Berkualiti, kepimpinan akademik yang signifikan melaksanakan semakan kurikulum komprehensif dan berkala dengan mendapatkan maklum balas daripada pelanggan misi iaitu pihak industri dan badan profesional bagi memastikan graduan yang dilahirkan memenuhi kehendak pasaran.

Keprihatinan pemimpin dalam menjaga kebajikan warga pada tahun 2020 tanpa mengabaikan tanggungjawab sebagai rakyat Malaysia dalam membantu negara menangani penularan COVID-19 telah berjaya mencapai skor PI 83.4%. (Lampiran 3.2(b)). Pelaksanaan PKP dengan amalan norma baharu yang perlu dipatuhi telah menjadikan warga UiTMCP terus dinamik dan kreatif menyusuri cabaran. Perubahan proses kerja yang cemerlang perlu seiring dengan pemikiran dan kesihatan warga yang sihat dan selamat. Sehubungan itu, penerapan nilai sinergi antara bahagian menjadi tonggak utama dalam kepimpinan yang diamalkan pada tahun 2020 melalui pendekatan program CSI yang dilaksanakan secara maya khusus untuk menjaga kesejahteraan dengan menekankan kepentingan menjaga kesihatan fizikal, mental dan spiritual ke arah mencegah penularan COVID-19. (Lampiran 3.2(c)).

Keberkesanan komitmen yang diberikan oleh warga UiTMCP kepada kepimpinan telah dibuktikan dengan pencapaian-pencapaian cemerlang yang diperolehi pada tahun 2019 dan 2020 di samping peningkatan jumlah jalinan kerjasama, pemeteraian memorandum persefahaman (MoU/MoA) dan pelaksanaan program-program kebajikan komuniti yang melibatkan pelanggan luar (Lampiran 3.2(d)(e)). Gaya kepimpinan yang cemerlang dalam menyampaikan perkhidmatan ini turut disesuaikan dengan keperluan pelanggan misi iaitu

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).

SENARAI BUKTI:

1. [Lampiran 3.2a.pdf](#)
2. [Lampiran 3.2b.pdf](#)
3. [Lampiran 3.2c.pdf](#)
4. [Lampiran 3.2d.pdf](#)
5. [Lampiran 3.2e.docx.pdf](#)

3.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

UiTMCP mempunyai 680 orang staf akademik dan 448 orang staf pentadbiran pada tahun 2020. Staf akademik adalah pelanggan utama perkhidmatan kepimpinan yang ditonjolkan. Pengurusan data staf ini disokong oleh sistem pengurusan sumber manusia yang cekap dalam mengumpul dan menyimpan data secara sistematik. Kaedah pengumpulan data dibuat dengan mengisi borang dan menyerahkan di kaunter atau email kepada pegawai terlibat sebelum ianya diproses dan diintegrasikan dalam sistem UiTM sebagai rekod staf. Urusan cuti dan rekod kehadiran staf dengan pilihan bekerja dari rumah atau di pejabat boleh dicapai melalui sistem atas talian atau aplikasi HR2U. Staf juga boleh mengemaskini beberapa data peribadi di dalam sistem *i-Staf Portal* pada bila-bila masa (Lampiran 3.3(a)).

Keprihatinan terhadap batasan pergerakan staf pada tempoh PKP dan disesuaikan dengan revolusi Industri 4.0, kepimpinan UiTMCP telah bergerak pantas menghasilkan aplikasi *Virtual Valley* sebagai kemudahan kepada staf. Aplikasi ini menggabungkan 2 elemen pengurusan pejabat dan pembangunan sumber manusia iaitu i) *Online Virtual Office*: staf tidak perlu hadir secara fizikal di kaunter dan mendapat maklum balas dari pertanyaan dalam masa 3 hari bekerja, dan ii) *Online Virtual Training*: mengurus dan merekod jam latihan staf (Lampiran 3.3(b)). Bagi rekod penyelidikan dan penerbitan, pensyarah perlu memuat naik maklumat secara atas talian melalui sistem *Publication Repository Information System Management (PRISMa)* untuk pengesahan sebelum direkodkan sebagai data. Penggunaan sistem MyATP juga menjadi rekod staf akademik sebagai sebagai petunjuk prestasi dan pencapaian tahunan serta digunakan dalam proses permohonan kenaikan pangkat. Selain rekod secara atas talian, data pensyarah juga disimpan melalui sistem dokumen Fail Peribadi. Fail tersebut disimpan dalam bilik fail sehingga pensyarah tamat perkhidmatan. Pensyarah juga boleh menyemak rekod tahunan di dalam sistem *Staff Resource Information System version 3 (STARsV3)* dari semasa ke semasa sepanjang tempoh perkhidmatan.

Sehingga 31 Disember 2020, jumlah pelajar di UiTMCP adalah seramai 13560 orang dari peringkat diploma sehingga PhD. Bagi pengurusan data pelajar, kaedah pengumpulan dan penyimpanan dilakukan melalui dua cara, iaitu dikumpul dan disimpan di dalam *Student Information Management System (SIMS)* dan melalui sistem dokumen Fail Pelajar. Fail akan disimpan di dalam bilik fail fakulti dan hanya staf yang bertanggungjawab boleh mengendalikan fail pelajar tersebut. Setelah pelajar bergraduasi, maklumat pelajar akan disimpan sehingga 99 tahun dan diuruskan dengan baik agar mudah dicapai semula sekiranya pelanggan mempunyai persoalan walaupun sudah berpuluh tahun menjadi Alumni UiTMCP. Pengurusan data pelanggan yang sistematik ini membuktikan kecekapan kepimpinan dalam melaksanakan tanggungjawab kepada pelanggan.

Penglibatan pelanggan

Barisan kepimpinan UiTMCP mengamalkan penglibatan secara langsung dalam menyampaikan perkhidmatan terbaik kepada pelanggan. Pendekatan turun padang bagi memantau masalah dan melihat sendiri proses kerja serta penambahbaikan yang dibuat adalah mekanisme yang diamalkan oleh barisan kepimpinan bagi menilai tahap keberkesanan secara optimum. Selain itu, pihak pengurusan UiTMCP turut menggalakkan staf akademik selaku pelanggan utama untuk terus meningkatkan nilai diri melalui kegiatan penyelidikan, perundingan, kepakaran, jaringan antarabangsa dan khidmat masyarakat. Pencapaian cemerlang penglibatan staf akademik sebagai pakar rujuk serta pengiktirafan kelayakan badan profesional tempatan dan antarabangsa menjadi antara faktor tarikan bakal pelajar melanjutkan pengajian dan kolaborasi daripada pihak berkepentingan dengan UiTMCP (Lampiran 3.3(d)(e))

Ia memberikan impak yang signifikan kepada kecemerlangan dan kesejahteraan UITMCP.

SENARAI BUKTI :

1. [Lampiran 3.3a.pdf](#)
2. [Lampiran 3.3b.pdf](#)
3. [Lampiran 3.3c.pdf](#)
4. [Lampiran 3.3d.pdf](#)
5. [Lampiran 3.3e.docx.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

3.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Kepimpinan UiTMCP terus komited dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada pelanggan. Pelbagai program, persidangan, webinar serta aktiviti bersama pihak berkepentingan seperti pihak industri, institut penyelidikan dan pakar bidang telah dianjurkan sepanjang tahun 2019 dan 2020. Hasil peningkatan jalinan kerjasama dengan pelanggan luar, staf dan pelajar telah mendapat kelebihan dalam berkongsi ilmu secara percuma atau hanya dikenakan yuran penyertaan yang minima. Staf akademik UiTMCP berpeluang untuk menyebarluaskan kepakaran kepada pihak luar sama ada di peringkat nasional mahupun global (Lampiran 3.4.1(a)). Selain dapat meningkatkan kesedaran dan penyumbang kepada jam latihan, kepelbagaian program ini memberi ruang kepada UiTMCP untuk mengetahui keperluan global bagi pembangunan nilai kepada warganya. Hasil pembangunan *Massive Open Online Course* (MOOC) terbanyak oleh pensyarah UiTMCP pada tahun 2017 dan 2018 telah membuktikan kebersediaan ke arah agenda *Education 5.0@UiTM*. Pendedahan awal P&P atas talian telah memberi kesan positif terhadap pelaksanaan ODL. Kepimpinan Jawatankuasa *Hub for Innovative Teaching & Learning* (HITeL) UiTMCP yang dianggotai oleh staf akademik turut komited menganjurkan webinar-webinar berkaitan P&P kepada pensyarah agar teknik pengajaran seiring dengan arus perkembangan teknologi semasa.

Amalan dan pembudayaan penjimatan sumber kewangan yang cekap dan penggunaan kepakaran dalaman telah berjaya meningkatkan penyediaan pelbagai kemudahan dan penambahbaikan fasiliti dan infrastruktur untuk kesejahteraan warga kampus (Lampiran 3.4.1(b)). Kepakaran staf akademik yang menerajui Jawatankuasa Kampus Hijau dan Rakan Kampus Hijau telah membantu UiTMCP menjadi Kampus Hijau terbaik seluruh sistem UiTM (Lampiran 3.4.1(c)).

Sebagai tanda penghargaan kepada kejayaan warga, pelbagai anugerah seperti Anugerah Akademik Universiti, Anugerah Perkhidmatan Cemerlang serta pembiayaan geran dalaman diberikan. Disamping itu, warkah penghargaan diberikan kepada staf bagi menzahirkan penghargaan dan meraikan sumbangan yang signifikan atas manifestasi PI yang dicapai dan pemangkin untuk kejayaan yang lebih cemerlang. Manakala warga yang memerlukan bantuan, tidak dikesampingkan. Pihak pengurusan sentiasa prihatin dalam menjaga kebajikan dengan menyalurkan sumbangan dan bantuan seperti zakat, tabung kebajikan, *food bank* dan inisiatif program 1 Asnaf 1 Komputer yang mendapat pengiktirafan Majlis Eksekutif Universiti dan mendapat penghargaan dalam Mesyuarat Senat UiTM serta menjadi pelopor kepada idea sumbangan seperti ini di seluruh sistem UiTM (Lampiran 3.4.1(d)). Kecekapan kepimpinan dalam menjalankan tanggungjawab ini telah dibuktikan dengan pencapaian terbaik indeks kegirangan antara kampus pada tahun 2020 (Lampiran 3.4.1(e)).

SENARAI BUKTI:

1. [Lampiran 3.4.1a.pdf](#)
2. [Lampiran 3.4.1b.pdf](#)
3. [Lampiran 3.4.1c.pdf](#)
4. [Lampiran 3.4.1d.pdf](#)
5. [Lampiran 3.4.1e.docx.pdf](#)

3.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Krisis penularan COVID-19 yang menjurus kepada penguatkuasaan PKP dan amalan norma baharu bagi mengurangkan risiko jangkitan telah memberikan impak kepada pelan strategik dan tadbir urus UiTMCP. Antara kesannya adalah pelaksanaan proses P&P yang perlu dirancang semula, aktiviti penyelidikan di lapangan yang perlu ditangguhkan dan program-program yang telah dijadualkan perlu ditunda atau dibatalkan. Ia sebagai langkah untuk menjamin kesihatan dan keselamatan warga. Batasan pergerakan warga dalam menjalankan kegiatan harian serta keperluan menguruskan pelajar yang terkandas dalam kampus dan keselamatan pelajar *Non-resident* (NR) antara cabaran yang perlu ditangani oleh pihak pengurusan pada suku pertama tahun 2020 (Lampiran 3.4.2(a)).

Perkhidmatan dan pengoperasian dalam kampus yang terpaksa ditutup seperti kafeteria, kemudahan sukan, kedai siswa dan kerja-kerja penyelenggaraan juga telah memberi kesan kepada kualiti perkhidmatan dan pencapaian maklum balas daripada pelanggan. Sehubungan itu, kepimpinan UiTMCP telah bertindak pantas dengan mengaktifkan Jawatankuasa Operasi Bencana Negeri dan Bilik Gerakan yang diketuai oleh Ketua Pejabat Polis Bantuan bersama-sama Jawatankuasa Pelaksana Pengurusan Risiko yang dianggotai oleh wakil dari setiap bahagian dan unit untuk bersiap siaga dalam mendepani pelbagai kemungkinan (Lampiran 3.4.2(a)).

Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) juga turut memainkan peranan dalam membantu pihak pengurusan menyampaikan informasi terkini kepada pelajar melalui media sosial seperti *Facebook*, *WhatsApp* dan *Telegram*. MPP juga mengumpul dan menerima maklum balas terus daripada pelajar untuk dibentangkan kepada pihak pengurusan melalui perbincangan dan mesyuarat bersama BHEP (Lampiran 3.4.2(b)). Selain itu, Unit Kaunseling turut melaksanakan inisiatif dengan membuka talian kaunseling serta penganjuran webinar berkaitan kesejahteraan sementara Unit Hal Ehwal Islam (UHEI) pula menganjurkan webinar berkaitan kerohanian. Penganjuran webinar-webinar ini terbuka kepada semua warga UiTM seluruh Malaysia, sebagai contoh penganjuran *CSI Well Being* (Lampiran 3.4.2(c)).

Kepimpinan UiTMCP terus komited dalam mengamalkan langkah pencegahan penularan COVID-19 di kalangan warganya. Selain mengeluarkan jadual bertugas secara bergilir kepada staf pentadbiran, staf akademik pula dikehendaki bekerja dari rumah dan jika ada staf yang ingin memasuki kampus perlu mengisi borang dengan menyatakan urusan serta memilih slot waktu untuk masuk ke kampus sebelum diberikan kebenaran dengan mematuhi garis panduan dan operasi standard (SOP) yang ditetapkan. Staf juga perlu membuat saringan COVID-19 setiap hari dan mesyuarat berkaitan tumpuan pelanggan perlu dilaksanakan secara dalam talian. (Lampiran 3.4.2(d)(e)).

SENARAI BUKTI :

1. [Lampiran 3.4.2a.pdf](#)
2. [Lampiran 3.4.2b.pdf](#)
3. [Lampiran 3.4.2c.pdf](#)
4. [Lampiran 3.4.2d.pdf](#)
5. [Lampiran 3.4.2e.docx.pdf](#)

3.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

UiTMCP menerima aduan atau maklum balas daripada para pelanggan bagi tujuan penambahbaikan prestasi perkhidmatan. Pelbagai pendekatan dan mekanisme yang digunakan oleh UiTMCP bagi memudahkan pelanggan memberikan aduan dan maklum balas (Lampiran 3.4.3(a)). Setiap aduan akan direkod dan diteliti sebelum tindakan susulan diambil. Kecekapan pengurusan aduan dan maklum balas daripada pelanggan sentiasa ditambah baik dengan menyebarkan penggunaan sistem dalam talian di peringkat unit dan bahagian. Selain mudah untuk dicapai dan diakses oleh pelanggan, pengurusan rekod juga menjadi lebih sistematik dan pengeluaran log arahan kerja menjadi lebih cekap dan pantas. Selain itu, maklum balas pelanggan melalui *QR code* juga telah mula digunakan sejak tahun 2019 (Lampiran 3.4.3(b)).

Keberkesanan pengurusan aduan dan maklum balas pelanggan dinilai melalui dua kaedah iaitu i) jumlah aduan yang semakin menurun, dan ii) melalui skor kepuasan hati pelanggan yang berurusan dengan semua unit dan bahagian secara tahunan. Data ini dibandingkan dengan tahun sebelumnya bagi melihat tren dan menilai keberkesanan bagi memastikan tiada aduan sama berulang. Data ini dibentangkan dalam MKSP secara berkala, dua (2) kali setahun oleh UKK. UiTMCP juga sentiasa memastikan kaji selidik yang dijalankan melalui borang soal selidik Tahap Kepuasan Pelanggan (TKP) disemak dari semasa ke semasa agar ia terus kekal relevan dan efektif untuk membantu pihak pengurusan menentukan keperluan pelanggan mengikut peredaran masa (Lampiran 3.4.3(c)).

Pelaksanaan Audit Dalam turut dijalankan setiap tahun untuk menambah baik proses kerja. Selain itu, Laporan Penilaian Kendiri (SRR) juga disediakan oleh setiap fakulti melalui Jawatankuasa Penilaian Kendiri di bawah Unit Kualiti untuk mengenalpasti keperluan setiap pusat pengajian. Keberkesanan P&P staf akademik UiTMC telah dinilai secara menyeluruh setiap semester melalui *Student Feedback Online* (SuFO), Pemantauan Profesionalisme Pensyarah (PRO-PENS) dan Teaching Evaluation Self-Assessment (TESA). Laporan SuFO dan *Entrance-Exit Survey* hasil penilaian daripada pelajar turut dianalisis melalui pelaporan CDL-CQI pada setiap akhir semester di bawah Jawatankuasa *NOBLES* yang dianggotai oleh wakil setiap pusat pengajian. Unit Hal Ehwal Kurikulum (UHEK) turut menjalankan kaji selidik berkenaan pelaksanaan ODL 2 minggu sekali kepada pensyarah dan pelajar sepanjang tempoh kuliah berjalan. Setiap hasil pelaporan dan maklum balas yang diterima telah dibentangkan dalam mesyuarat jawatankuasa terlibat dan seterusnya disebarluaskan ke peringkat berkaitan untuk tindakan penambahbaikan (Lampiran 3.4.3(d)(e)).

SENARAI BUKTI :

1. [Lampiran 3.4.3a.pdf](#)
2. [Lampiran 3.4.3b.pdf](#)
3. [Lampiran 3.4.3c.pdf](#)
4. [Lampiran 3.4.3d.pdf](#)
5. [Lampiran 3.4.3e.docx.pdf](#)

3.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Pengaplikasian P&P secara maya memerlukan kemahiran dikalangan pelanggan proses agar mencapai kualiti pendidikan yang berkesan. Kewujudan HITeL UiTMCP membantu dan memperkasakan akademia agar sentiasa relevan dengan perkembangan dunia pendidikan sesuai dengan agenda *Education 5.0@UiTM*. Pelbagai program latihan tentang kaedah pelaksanaan P&P secara atas talian, penggunaan aplikasi dan teknologi baharu telah disebarluaskan kepada pensyarah agar proses P&P menjadi lebih interaktif dan berkesan. Pendedahan ini telah meningkatkan kreativiti pensyarah serta pelajar dalam teknologi pendidikan yang disokong dengan peningkatan penyertaan pertandingan inovasi serta penghasilan kertas kerja penyelidikan bertemakan P&P sama ada di peringkat nasional mahupun antarabangsa (Lampiran 3.5(a)).

Kecemerlangan proses P&P dibuktikan dengan peningkatan pencapaian pelajar yang berkualiti sumber kepada kebolehpasaran dalam industri. Hasil pencapaian yang cemerlang menjadikan BHEA UiTMCP adalah yang terbaik dalam keseluruhan sistem HEA UiTM apabila mendapat pengiktirafan Platinum bagi Anugerah Pengurusan Akademik Cemerlang dan Anugerah Emas bagi kategori kampus tahun 2020. Selain itu, peningkatan keserjanaan pensyarah secara berterusan juga telah memberi impak positif kepada BHEA dengan Penubuhan Jabatan Pengajian Alam Bina dan Teknologi (JBAT), penawaran program baru, penawaran program sedia ada, pengiktirafan akreditasi badan profesional, dan pencapaian lain seperti di Lampiran 3.5(b). JBAT merupakan entiti akademik pertama ditubuhkan dan diluluskan oleh Senat UiTM dalam sistem UiTM dan diikuti dengan penubuhan entiti yang sama di kampus cawangan lain. Kecekapan warga selaku pelaksana kepada agenda pengurusan terus bergerak cemerlang apabila berjaya menganjurkan beberapa seminar dan bengkel secara maya. Program secara *virtual* memberikan kelebihan kepada penganjur untuk menyebarkan pengetahuan ke semua peringkat tanpa ada had bilangan peserta di samping menjimatkan kos penganjuran Lampiran 3.5(c)).

Cabaran dalam membendung penularan COVID-19 menjadi pemangkin kepada UiTMCP untuk menghasilkan pelbagai inisiatif agar penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan menjadi lebih efektif. *Virtual Valley* telah diinovasikan oleh Bahagian Pentadbiran bagi membantu pengurusan pejabat dan pembangunan sumber manusia. Kebajikan kepada pelanggan luar telah menghasilkan produk PPE dan *face shield* dan penghasilan *hand sanitizer* dari FSG dan pelancaran Tabung Khas Bantuan COVID-19 sebagai bantuan kebajikan. Tanpa mengabaikan kebajikan kepada pelanggan proses dan pelanggan dalaman, inisiatif *food bank*, Program 1 Asnaf 1 Komputer menjadi pelopor kepada program bantuan komputer untuk seluruh sistem UiTM, data internet percuma dan lain-lain sumbangan turut dilaksanakan.(Lampiran 3.5(d)(e)).

SENARAI BUKTI :

1. [Lampiran 3.5a.pdf](#)
2. [Lampiran 3.5b.pdf](#)
3. [Lampiran 3.5c.pdf](#)
4. [Lampiran 3.5d.pdf](#)
5. [Lampiran 3.5e.pdf](#)

KRITERIA 4 : PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN

4.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Proses pengurusan analisis dan pengurusan pengetahuan yang dijalankan di UiTMCP adalah berdasarkan analisis projek dan inisiatif perancangan strategik dan sasaran sebagai ruang untuk menilai prestasi organisasi berpandukan kaedah perancangan (*Plan*), pelaksanaan (*Do*), pemantauan (*Check*) dan tindakan penambahbaikan (*Act*). Walaupun pandemik COVID-19 melanda, penilaian terperinci secara berkala tetap dilaksanakan bagi memastikan kompetensi semasa organisasi serta ia mampu memenuhi keperluan pihak yang berkepentingan, keperluan keseluruhan operasi untuk menjamin pengukuran yang sistematik serta tindakan pengurusan pengetahuan yang berkesan.

Di UiTMCP, kesemua Petunjuk Prestasi (*PI*), data, statistik dan maklumat yang digunakan untuk mengukur prestasi secara khusus, memantau operasi serta pencapaian keseluruhan sistem ditentukan dan disemak oleh pihak pengurusan bagi melaksanakan pembangunan dan penambahbaikan yang berterusan. Melalui Bengkel Semakan Perancangan Strategik (BSPS), Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP) yang diadakan 2 kali setahun, Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) yang diadakan setiap bulan, Pengurusan Eksekutif dan semua PTJ setiap bahagian membincangkan mekanisma pengukuran pencapaian UiTMCP. Ketika pandemik ini, UiTMCP mengambil inisiatif untuk melaksanakan semakan perancangan strategik 2015-2020 dengan membuat penajaran semula mengikut kesesuaian dan kemampuan semasa UiTMCP untuk tahun 2020-2025 dengan mengambilkira cadangan dari setiap ketua bahagian dan unit.

Pihak pengurusan UiTMCP mengambil inisiatif terkehadapan apabila menjadi kampus cawangan pertama yang mengukur prestasi setiap PTJ menggunakan sistem pengurusan skor MyRA bermula dari tahun 2015 dan diangkat sebagai salah satu elemen pengukuran prestasi yang utama bagi staf akademik. Sistem ini mengukur kompetensi staf akademik dalam pelbagai aspek antaranya geran penyelidikan, penerbitan pelbagai peringkat dan beberapa lagi skor yang perlu dicapai bagi memastikan setiap hasil kerja diukur dan dinilai dalam sistem MyRA tersebut. Melalui inisiatif ini, kepimpinan UiTMCP telah mempertingkatkan PI i-UiTM supaya mencapai sasaran dan secara tidak langsung membantu mempertingkatkan skor MyRA seluruh sistem UiTM.

UiTMCP optimis dalam menjalankan proses memilih, mengumpul, menajar dan mengintegrasikan data dan maklumat secara kolektif serta dianalisis secara efektif yang dilaksanakan oleh PTJ setiap bahagian dan jabatan supaya mencapai Objektif Kualiti yang disasarkan dan seterusnya mengaplikasi budaya penjimatan dan belanjawan berhemah dalam pemantauan operasi untuk mencapai PI yang ditetapkan. Melalui pengaplikasian sistem yang diguna pakai, hasil pencapaian UiTMCP disebar luas kepada warga kampus, pihak berkepentingan, pemegang taruh serta menjadi rujukan kepada agensi-agensi lain. Ia dibuktikan melalui aktiviti dan program yang menjadikan UiTMCP sebagai model kaedah pengoperasian dan pengurusan yang komprehensif dalam pelbagai peringkat sebagai contoh melalui beberapa MoU dengan pelbagai pihak. Daripada pendekatan sedemikian, ketampakan staf akademik dapat dikembangkan dan disebar luas melalui aktiviti syarahan, pameran solo, lantikan sebagai pakar rujuk, serta latihan dan penyelidikan yang memberi impak yang optimum. Penyebarluasan membantu proses membuat keputusan berdasarkan fakta serta penambahbaikan bermatlamat dan menghasilkan inovasi terhadap proses kerja. Ia dapat diterjemah dalam penglibatan pertandingan-pertandingan inovasi yang melibatkan staf

akademik dan pelajar sehingga ke peringkat antarabangsa.

4.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Maklumat dan kemampuan pelaksanaan proses pengukuran oleh UiTMCP untuk mencapai skor PI yang ditentukan oleh setiap bahagian dalam UiTMCP. Kemampuan sistem bahagian Infostruktur, Unit Komunikasi Korporat (UKK), Bahagian Pembangunan dan Pengurusan Fasilitas (BPPF), Pejabat Pentadbiran, Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP), Bahagian Hal Ehwal Akademik (BHEA) dan lain-lain bahagian yang berkaitan amat dititikberatkan. Maklumat dan hasil perbincangan yang diperolehi melalui BPPS dan MKSP yang dihadiri oleh semua PTJ sangat membantu pihak pengurusan dalam menentukan mekanisme pengukuran prestasi staf paling berkesan terhadap PI serta Objektif Strategik yang telah disasarkan dan perlu dicapai. Sebelum penentuan pengukuran dimuktamadkan, Pengurusan Eksekutif membuat semakan akhir untuk memastikan kompetensi teras, cabaran strategik, serta keseimbangan terhadap keperluan pelanggan dan pihak berkepentingan.

Data Perbandingan

UiTMCP telah mengaplikasi kaedah perbandingan data terutamanya dengan pesaing terhampir. Sumber maklumat pesaing terhampir dan purata pencapaian keseluruhan sistem UiTM digunakan untuk menganalisis prestasi dan kedudukan UiTMCP secara keseluruhannya. Purata prestasi IPTA di Malaysia turut diambil untuk menganalisis perbandingan dan tahap kompetensi dalam urus tadbir UiTMCP berbanding kampus lain. Data perbandingan ini dibentangkan 2 kali setahun dalam Mesyuarat Kakitangan Akademik. Data perbandingan juga merupakan antara elemen utama semakan PI untuk menilai prestasi semasa dan pencapaian UiTMCP berbanding kampus cawangan lain. Data-data sasaran dan pencapaian dimuat naik dalam pengkalan data BTU. Data-data ini membantu UiTMCP untuk mengenal pasti jurang dan peluang penambahbaikan bagi menetapkan matlamat yang perlu dicapai pada masa hadapan.

Antara perbandingan yang dilaksanakan melalui PI yang diukur dan pencapaiannya melebihi pesaing terhampir. Antaranya penglibatan staf dalam Badan Bukan Kerajaan, peratusan kelayakan profesional di kalangan staf akademik dan juga staf pentadbiran, menandatangani dan mengurus 24 *Memorandum of Understanding* (MoU) dengan pengurusan yang aktif dan berkesan dan melebihi sasaran khas dari Naib Canselor iaitu 10 MoU/MoA dengan universiti-universiti antarabangsa (Lampiran 4.2(a)) dan penarafan 5 bintang kepada 2 *Research Interest Group (RIG)* yang bergerak aktif di UiTMCP (Lampiran 4.2(b)).

Data Pihak Berkepentingan

Proses pengukuran terhadap kepuasan pelanggan dan pemegang taruh merupakan mekanisme pengukuran signifikan yang dilaksanakan oleh UiTMCP. UKK, BHEA, BHEP dan BPPF bertanggungjawab dan memainkan peranan penting dalam menjalankan kajian sepanjang tahun dan dianalisis secara berkala.

UiTMCP meletakkan sasaran bagi setiap PI dan peratusan sebenar yang dicapai akan dianalisis pada setiap penghujung tahun untuk dibandingkan dengan sasaran dan pesaing terhampir. Dengan ini, UiTMCP dapat mengenal pasti jurang kekuatan dan kelemahan tadbir urus organisasi dalam memenuhi keperluan pelanggan. Data kepuasan pelanggan ini turut dimuat naik dalam sistem pengumpulan data BTU kerana merupakan salah satu dari PI yang

disasarkan.

UiTMCP sangat mengambil berat tentang pihak yang berkepentingan yang melibatkan pelajar terutama apabila kaedah *Open Distance Learning* (ODL) dilaksanakan sepanjang tempoh penguatkuasaan PKP. UiTMCP telah menjadi pelopor kepada High-End TVET UiTM sehingga menerbitkan *Handbook HETVET @ UiTM* yang digunakan oleh seluruh sistem UiTM (Lampiran 4.2(c)) dan seterusnya melaksanakan semakan silibus terkini menggunakan modul dari garispanduan tersebut, pelaksanaan Program *Service Learning Malaysia - University For Society (SULAM)* yang menghasilkan produk bagi membantu mengekang wabak COVID-19 (Lampiran 4.2(d)) dan mewujudkan inisiatif hub teknologi dalam Pengajaran dan pembelajaran iaitu *Hub for Innovative Teaching & Learning (HiTeL)* (Lampiran 4.2(e)) di UiTMCP.

SENARAI BUKTI:

1. [Lampiran 4.2a.pdf](#)
2. [Lampiran 4.2b.pdf](#)
3. [Lampiran 4.2c.pdf](#)
4. [Lampiran 4.2d.pdf](#)
5. [Lampiran 4.2e.docx.pdf](#)

4.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

UiTMCP melaksanakan prinsip integriti dalam pengurusan data, maklumat dan ilmu pengetahuan yang berkesan bagi mendapatkan impak yang konsisten. Pelaksanaan sistem 3 peringkat oleh setiap PTJ bagi setiap proses adalah sedia, semak dan lulus.

Maklumat-maklumat terkini sentiasa dikemaskini dan disalurkan melalui pelbagai medium yang efektif seperti pekeliling, emel staf, taklimat dan bengkel supaya mudah disebarluas. Proses audit dijalankan secara berkala bagi memastikan ketepatan, integriti, dan kebolehpercayaan. Audit Akreditasi berdasarkan *Malaysian Qualification Framework (MQF)* dan badan-badan profesional dilaksanakan untuk memastikan kebolehpercayaan dan nilai integriti bertepatan dengan keperluan organisasi. Pelaksanaan Audit Dalam sangat penting dalam mewujudkan integriti dan kebolehpercayaan. Ahli Jawatankuasa Audit Dalam telah dilantik dan dilatih untuk memantau prosedur mengurus proses Audit Dalam.

UiTMCP memastikan kebolehcapaian maklumat melalui pelbagai mekanisma bagi memastikan aliran maklumat boleh diakses dan diterima secara menyeluruh oleh semua staf, pelajar, dan pihak luar yang bersesuaian. Penyebaran maklumat secara berperingkat dan berterusan penting bagi memastikan setiap maklumat dipanjangkan ke peringkat fakulti, jabatan, bahagian, seterusnya kepada setiap unit dalam organisasi. Mekanisma yang digunakan adalah untuk mengekalkan ketepatan dan integriti untuk menyalurkan maklumat melalui bahan bercetak dan media elektronik seperti i-Staf portal, media sosial, emel, mesyuarat serta pekeliling memberi keberhasilan yang positif terhadap penerimaan, respon dan pemakluman maklumat secara tepat dan konsisten. Mesyuarat diadakan secara berkala di semua peringkat bagi memastikan Objektif Kualiti UiTM, Visi, Misi, Nilai dan pembangunan kakitangan UiTMCP dapat disampaikan kepada semua unit dengan tepat dan berkesan.

Bengkel perkongsian ilmu oleh staf akademik berkaitan bidang kepakaran masing-masing (Lampiran 4.3(a)) dan penubuhan kumpulan inovasi dan kreatif (KIK) diaplikasikan sebagai medium pengurusan dalam usaha untuk mengukuhkan tadbir urus UiTMCP ke arah penyebarluasan dan penjimatan yang lebih efisien. Ia membabitkan semua staf supaya menjurus kepada aplikasi ilmu dan meningkatkan pembelajaran sepanjang hayat.

Titik penyebarluasan kepada pihak berkepentingan apabila UiTMCP sebagai pelopor kepada High-End TVET di UiTM (Lampiran 4.3(b)) dan mewujudkan HITeL (Lampiran 4.3(c)). HITeL telah melaksanakan siri seminar atas talian terutama melibatkan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran secara ODL. Selain itu, sesi perkongsian ilmu dengan universiti antarabangsa kerap dilaksanakan hasil dari 24 *MoU* yang ditandatangani (Lampiran 4.3(d)).

Di UiTMCP, Audit Dalam dijalankan secara berkala oleh pasukan Audit Dalam yang diketuai oleh Ketua Sistem Audit (KSA) bagi melaksanakan kaedah pengauditan berkala yang jitu mengikut standard yang ditetapkan. UiTMCP telah menggerak langkah apabila menjadi kampus cawangan pertama yang melaksanakan audit Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) dan menjalankan audit secara berkala. Bagi memastikan sistem utama tadbir urus organisasi yang merangkumi penyediaan bahan Pengajaran dan Pembelajaran (P&P), proses-proses kritikal lain seperti proses pengendalian peperiksaan akhir dan proses pengendalian markah diberi keutamaan dalam pengauditan. Keputusan audit dibentangkan dalam Mesyuarat Audit Dalam dan dibawa ke Mesyuarat Kakitangan Akademik supaya dapat diambil maklum oleh semua pihak dan bahagian (Lampiran 4.3(e)).

Dalam meningkatkan profesionalisme pensyarah, proses penilaian prestasi pensyarah melalui Pemantauan Profesionalisme Pensyarah (PRO-PENS) yang telah dilantik oleh Rektor pada 2019. Kaedah penilaian prestasi pensyarah dinilai melalui kaedah terbaharu ketika pandemik COVID-19 iaitu *Teaching Self Evaluation (TESA)*. Ia merupakan salah satu mekanisme menjana input untuk kriteria dalam pengesahan perkhidmatan atau permohonan kenaikan pangkat.

SENARAI BUKTI :

1. [Lampiran 4.3a.pdf](#)
2. [Lampiran 4.3b.pdf](#)
3. [Lampiran 4.3c.pdf](#)
4. [Lampiran_4.3d.pdf](#)
5. [Lampiran 4.3e.docx.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

4.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

UiTMCP menggunakan mekanisma analisis frekuensi dan deskriptif dalam menganalisis pencapaian PI i-UiTM. Analisis pencapaian semasa dan pencapaian berbanding pesaing terhampir, kampus negeri yang lain dan purata UiTM secara keseluruhan dilaksanakan untuk menilai daya saing UiTMCP. Dalam membuat analisis perbandingan, beberapa sumber data telah digunakan seperti Ringkasan Statistik Kajian Pengesanan Graduan UiTM, Minit Mesyuarat Senat (Khas) Peperiksaan dan laporan Bahagian Transformasi Universiti (BTU). (Lampiran 4.4.1(a)).

Bagi tahun 2019 dan 2020, analisis tren dikira dan dibandingkan dengan kampus-kampus terpilih iaitu Kampus Cawangan Negeri Sembilan dan Kampus Cawangan Sarawak. Ia juga digunakan ketika membandingkan prestasi UiTMCP dengan pesaing terhampir. Analisis dibuat dengan memilih kampus-kampus yang mengamalkan amalan terbaik sebagai penanda aras untuk dibuat perbandingan. Data-data tahun semasa dan 3 tahun terdahulu disimpan, dianalisis dan dibandingkan bagi mewujudkan tren. Antara mekanisma yang digunakan ialah analisis deskriptif seperti carta garis dan carta bar untuk melihat tahap, tren dan perbandingan prestasi.

Analisis jurang turut dilaksanakan dengan melihat pencapaian bagi setiap jabatan. Sebagai contoh, hasil analisis menunjukkan peningkatan aktiviti universiti dengan pihak luar iaitu 403 program universiti yang melibatkan staf dan pelajar dengan masyarakat pada tahun 2019 dan 2020 dan telah melebihi sasaran yang ditentukan dalam sasaran PI i-UiTM Teras 3. Semakan pencapaian Objektif Kualiti dinilai dan dilaporkan dalam MKSP, 2 kali setahun. Sekiranya tidak mencapai sasaran, ahli mesyuarat akan berbincang untuk mengenal pasti tindakan penyelesaian untuk mencapai Objektif Kualiti tersebut (Lampiran 4.4.1(b)).

Bagi menyemak ukuran yang melibatkan respon seperti tahap kepuasan pelanggan, borang kaji selidik menggunakan skala Likert 5 mata. Dalam proses analisis, skala ini dianggap sebagai tahap pengukuran skala selang. Analisis deskriptif dijalankan dan purata bagi setiap komponen pengukuran diperoleh bagi melihat mana-mana komponen yang tidak memuaskan (Lampiran 4.4.1(c)). Purata keseluruhan digunakan untuk melihat hasil pencapaian keseluruhan tahap kepuasan. Analisis dijalankan oleh UKK dan semakan pencapaian dibentangkan di Mesyuarat Maklum Balas Pelanggan. Seterusnya, tahap pencapaian dibentangkan dan dilaporkan di MKSP. Pengurusan Eksekutif dan Pengurusan Dalaman sebagai ahli MKSP terlibat secara langsung dalam proses semakan pencapaian semua Objektif Kualiti yang disasarkan (Lampiran 4.4.1(d)).

SENARAI BUKTI:

1. [Lampiran 4.4.1a.pdf](#)
2. [Lampiran 4.4.1b.pdf](#)
3. [Lampiran 4.4.1c.pdf](#)
4. [Lampiran 4.4.1d.pdf](#)

4.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

UiTMCP mempunyai pelan persediaan kecemasan efektif yang dilaksanakan secara berterusan dalam pelbagai aspek pengurusan. Data dan maklumat dijamin untuk sentiasa berada dalam keadaan selamat sekiranya berlaku kecemasan. Bagi memastikan peralatan dan perisian komputer sentiasa dikemaskini selaras dengan keperluan perkhidmatan pendidikan yang ditawarkan, serta seiring dengan perubahan teknologi, pihak Infostruktur UiTMCP sentiasa berhubung dengan Infostruktur UiTM sekiranya terdapat peralatan komputer yang perlu dinaiktaraf dan perisian yang perlu dikemaskini melalui pekeliling atau emel.

Penubuhan Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan (OSHCo) dan Jawatankuasa Pengurusan Risiko yang bertanggungjawab melaksanakan pematuhan Prosedur Operasi Standard (SOP) (Lampiran 4.4.2(a)), audit risiko, pemantauan keselamatan, aduan kemalangan dan kesihatan iaitu termasuk fizikal bangunan, infrastruktur, susunatur, pemilihan bahan yang sesuai dan kebersihan serta sebarang majlis rasmi yang dianjurkan oleh UiTMCP seperti majlis konvokesyen. Segala dapatan akan diserahkan kepada pihak PTJ untuk tujuan tindakan pembetulan dan penambahbaikan. Ketua Unit Pengurusan Kualiti (KUPK) akan memantau tindakan susulan yang diambil oleh PTJ berkenaan cadangan yang telah dinyatakan oleh OSHCo dan Jawatankuasa Pengurusan Risiko (Lampiran 4.4.2(b)).

Keberhasilan pelaksanaan dari segi keselamatan dan kerahsiaan UiTMCP, melalui integriti di kalangan staf akademik berjaya memainkan peranan penting dalam menjaga keselamatan dan kerahsiaan bahagian masing-masing. Pemasangan CCTV di pintu masuk utama dan pintu masuk kedua sentiasa dipantau dan beroperasi 24 jam oleh pihak Polis Bantuan. Polis Bantuan sentiasa melakukan pemeriksaan setiap kenderaan yang keluar masuk bagi memastikan keselamatan universiti lebih terjamin. Penyebaran maklumat keselamatan kepada semua staf akademik dan taklimat kesedaran kesihatan dan keselamatan harta benda turut dilaksanakan bagi memastikan semua staf akademik peka terhadap persekitaran dan isu semasa.

Kerahsiaan UiTMCP terjamin dengan melaksanakan pendekatan kawalan rapi terhadap bilik-bilik dokumen dan bilik kebal, hanya individu yang berkenaan sahaja dibenarkan masuk. Selain itu, semua staf akademik diwajibkan untuk mengisi borang pengakuan staf dan borang menyimpan rahsia di bawah Akta Rahsia Rasmi (OSA) yang disemak dan disahkan oleh Timbalan Pendaftar Kanan.

Dalam tempoh pandemik COVID-19 ini, Jawatankuasa Operasi Bencana Negeri (JOBN) UiTMCP memainkan peranan yang aktif dan efektif memantau dan menguruskan pelajar dan staf supaya mematuhi setiap arahan dan prosedur operasi standard yang ditetapkan oleh kerajaan. Jawatankuasa ini sentiasa cakna berkenaan arahan-arahan terkini dan perkara-perkara kecemasan yang berkaitan (Lampiran 4.4.2(c)).

SENARAI BUKTI :

1. [Lampiran 4.4.2a.pdf](#)
2. [Lampiran 4.4.2b.pdf](#)
3. [Lampiran 4.4.2c.pdf](#)

4.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

UiTMCP melaksanakan proses peningkatan penambahbaikan prestasi melalui pencapaian dalam hubungan dengan universiti-universiti luar dan industri. Selain itu, UiTMCP telah mengambil inisiatif dengan mewujudkan *Virtual Valley Flagship Project* dimana sebarang urusan tertentu boleh dilaksanakan tanpa perlu ke kaunter secara fizikal (Lampiran 4.4.3 (a)). Inisiatif ini dilaksanakan pada Jun 2020 dan dari titik-tolak itu menjadi contoh kepada Pejabat Pendaftar apabila melaksanakan inisiatif yang sama iaitu *VirtualDesk@Pejabat Pendaftar* pada Jun 2021. Proses dapat memastikan tadbir urus universiti sentiasa menepati standard yang mencapai Objektif Kualiti.

UiTMCP telah mengorak langkah dalam menjalinkan hubungan dengan agensi peringkat kebangsaan dan antarabangsa dengan menandatangani 24 MoU dengan universiti- universiti antarabangsa dan industri (Lampiran 4.4.3(b)). Lonjakan ini menjadikan amalan perkongsian oleh UiTMCP merupakan amalan terbaik bagi meningkatkan kepakaran dan kompetensi staf akademik. Salah satu medium UiTMCP melalui perolehan geran dari pelbagai agensi yang bernilai RM1,478,326.00 pada tahun 2019 dan 2020 (Lampiran 4.4.3(c)).

UiTMCP aktif dalam khidmat kemasyarakatan melalui aktiviti-aktiviti dan kerjasama dengan Badan Bukan Kerajaan (NGO). Penglibatan dan kerjasama serta sumbangan besar UiTMCP kepada masyarakat melibatkan staf semua peringkat. MERCY Malaysia adalah badan NGO yang aktif dalam program kemasyarakatan yang bergerak menyalurkan sumbangan dimana salah seorang staf UiTMCP merupakan Pengerusi MERCY Perak Chapter. Ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 1.0, sebanyak 1000 pek makanan telah diedarkan kepada komuniti Perak Tengah, staf yang terkesan dan juga pelajar yang terkandas. Selain itu, sumbangan kepakaran yang melibatkan 3 orang staf profesional dari UiTMCP yang juga merupakan sukarelawan MERCY dalam merekabentuk 'Kiosk Cucian Tangan (KCT)' yang dibina di sekolah-sekolah terpilih seluruh Malaysia turut disumbangkan melalui program kemasyarakatan (Lampiran 4.4.3(d)). Kolaborasi MERCY berterusan pada tahun 2021 melalui Program Jangkauan dan Mobilisasi Vaksinasi Komuniti di seluruh Negeri Perak.

Penerapan Program *SULAM* bagi mengekang wabak COVID-19 dilaksanakan sehingga beberapa produk berjaya disumbangkan kepada barisan hadapan di seluruh negara seperti *Private Protection Equipment (PPE)* dan *face shield*. (Lampiran 4.4.3(e))

Proses penambahbaikan prestasi peringkat dalaman dititikberatkan melalui Jawatankuasa Pengurusan Risiko UiTMCP. Setiap bahagian diminta mendaftarkan risiko dan setiap risiko akan diambil tindakan penambahbaikan dengan segera dan berkesan. Log tindakan penyelesaian akan dikeluarkan sebagai panduan pelaksanaan aktiviti atau tindakan susulan dalam memastikan sasaran pada tahun berikutnya dapat dicapai secara optimum.

SENARAI BUKTI :

1. [Lampiran 4.4.3a.pdf](#)
2. [Lampiran_4.4.3b.pdf](#)
3. [Lampiran 4.4.3c.pdf](#)
4. [Lampiran 4.4.3d.pdf](#)
5. [Lampiran 4.4.3e.docx.pdf](#)

4.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Keutamaan penambahbaikan, inovasi dan pelan tindakan diintegrasikan kepada seluruh warga kampus dengan menggunakan pelbagai mekanisma komunikasi seperti mesyuarat, taklimat, laman sesawang dan emel. Selain itu, 3 staf akademik diberi peluang dalam trek industri dan menubuhkan syarikat perundingan yang secara tidak langsung membantu universiti dalam menyediakan tempat latihan industri dan mereka juga memberi sumbangan kewangan kepada universiti sekurang-kurangnya RM10,000.00 setahun (Lampiran 4.5(a)). Melalui inisiatif ini, UiTMCP telah mewujudkan rakan-rakan strategik yang dapat membantu meningkatkan nama universiti.

Dalam situasi pandemik COVID-19, staf dan pengurusan UiTMCP telah sama-sama mengembeling tenaga dalam membantu barisan hadapan negara melalui Program *SULAM*. Pelbagai inisiatif dan inovasi digerakkan antaranya ialah pembuatan *PPE* dan pelitup kasut. Melalui program ini, *hand sanitizer* dihasilkan oleh Fakulti Sains Gunaan (FSG). Para pensyarah juga telah menyumbang tenaga dan kewangan dalam pembuatan *face shield* dan telah dihantar ke seluruh negara sehingga ke negeri Sabah (Lampiran 4.5 (b)).

UiTMCP juga melaksanakan Inisiatif Kampus Hijau Tahun 2016-2020 bagi mendukung Objektif Kualiti 8: Inisiatif Kampus Hijau (Lampiran 4.5(c)). Ia merangkumi 13 inisiatif dalam pemantauan keseluruhan pembangunan, pengoperasian dan penyelenggaraan mengikut kriteria yang ditetapkan oleh *UI Green Metric World University Ranking* di bawah Jawatankuasa Kampus Hijau. Program-program berkaitan kampus hijau ini telah dan sedang giat dilaksanakan secara aktif antaranya projek kutipan 3R sekitar kampus, projek pemasangan solar mini di wakaf tasik, Webinar *GREENATION @ WORKPLACE* (Dengan kerjasama UiTM Shah Alam dan UiTM Cawangan Pulau Pinang) dan pelbagai program yang dianjurkan oleh entiti ini.

Proses penambaaian prestasi membantu UiTMCP mengenal pasti kelemahan seterusnya mengambil tindakan pencegahan, penambahbaikan dan pembetulan sekiranya tersasar dari matlamat yang ditetapkan. Contohnya, Unit Hal Ehwal Akademik (UHEK) menyelaras proses semakan yang dilaksanakan oleh setiap program. Program-program *Inbound - Outbound* disediakan kepada pelajar UiTMCP bagi meningkatkan hubungan antara pelajar dengan pihak luar (Lampiran 4.5(d)). Pencapaian BHEA UiTMCP sangat memberangsangkan apabila menerima Anugerah Pengurusan Akademik Cemerlang – Platinum pada 2020 hasil dari integrase staf akademik dan pelajar.

RIG di UiTMCP juga bergerak aktif dalam pelbagai aspek terutamanya dalam mendapatkan geran-geran penyelidikan. KPI asas ditetapkan setiap tahun dan menjadi kemestian bagi mencapai lebih dari apa yang ditetapkan. Hasilnya terdapat 2 RIG yang telah mendapat 5 *Star EK Rating* (Lampiran 4.5(e)).

SENARAI BUKTI :

1. [Lampiran 4.5a.pdf](#)
2. [Lampiran 4.5b.pdf](#)
3. [Lampiran 4.5c.pdf](#)
4. [Lampiran 4.5d.pdf](#)
5. [Lampiran 4.5e.docx.pdf](#)

KRITERIA 5: TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA

5.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

UiTM Cawangan Perak (UiTMCP) amat menitikberatkan penglibatan keseluruhan warganya dan menyediakan persekitaran kerja yang kondusif dalam usaha menjayakan visi, misi dan objektif strategik dan pelan-pelan tindakan UiTM amnya dan UiTMCP khususnya. Perkara ini selari dengan teras-teras strategik tadbir urus yang mantap, manfaat bakat dan inisiatif kampus hijau di bawah Perancangan Pelan Strategik UiTM 2025. Bahagian Pentadbiran merupakan nadi utama kepada pihak pengurusan UiTMCP bagi menjalankan hal-hal yang berkaitan penyampaian perkhidmatan bagi tujuan kepimpinan, pengurusan dan pembangunan staf. Bahagian ini kekal dengan amalan tadbir urus yang berkualiti, efektif dan berkesan. Justeru, sepanjang tahun 2020, UiTMCP telah berjaya menjalankan hampir kesemua aktiviti yang dirancang bersesuaian dengan kehendak dan keperluan yang ditetapkan oleh pihak universiti. Ini sekaligus memacu pencapaian serta merealisasikan semua hasrat universiti menjelang tahun 2021.

Penglibatan tenaga kerja di setiap peringkat dalam menjayakan agenda universiti merupakan salah satu perkara yang diberi perhatian oleh kepimpinan UiTMCP. UiTMCP memandang beberapa unsur penting dapat mempengaruhi penglibatan tenaga kerja. Antaranya adalah motivasi, latihan yang berterusan, galakan pemimpin serta peluang kenaikan pangkat atau anugerah atas pencapaian yang cemerlang. Motivasi untuk menyumbang kepada universiti lahir daripada staf itu sendiri. Latihan yang berterusan adalah bertujuan untuk meningkatkan kompetensi staf selaras dengan Amanat Naib Canselor 2020 untuk merencanakan kerjasama pintar ke arah jenama global melalui kepimpinan yang cemerlang. Galakan pemimpin pula merujuk kepada amalan UiTMCP melantik tenaga kerja yang berpotensi untuk memegang jawatan dalam mana-mana jawatankuasa, menyertai kursus atau seminar dan pertandingan inovasi di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Peluang kenaikan pangkat dan anugerah atas kecemerlangan juga mempengaruhi penglibatan tenaga kerja dengan inisiatif UiTMCP. Ini sekaligus menyemarakkan semangat tenaga kerja untuk menjalankan tugas dengan komited, aktif dan memanfaatkan kebolehan dalam pelbagai sudut dan menyumbang khidmat kepada universiti.

UiTMCP mempunyai keupayaan dan kapasiti tenaga kerja yang dinamik. Keupayaan dan kapasiti staf sokongan sebagai contohnya, dapat dikenal pasti berdasarkan kelayakan akademik yang memenuhi syarat lantikan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Penempatan staf ditentukan mengikut bahagian melalui Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia UiTMCP. Manakala kelayakan staf sokongan diukur berdasarkan kepada kelayakan akademik. Kepuasan tenaga kerja pula boleh diukur melalui beberapa pendekatan. Salah satunya adalah dengan pemberian penghargaan. UiTMCP saban tahun telah memberikan penghargaan kepada staf yang komited dan berdedikasi melalui penganugerahan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC), kenaikan pangkat dan warkah penghargaan.

UiTMCP telah mengambil langkah proaktif untuk mewujudkan iklim tenaga kerja yang baik serta suasana persekitaran kerja yang sihat melalui pembudayaan amalan hijau. Pembentukan 13 PI Inisiatif Strategik UiTMCP ke arah Kampus Hijau menjelang tahun 2020 telah direalisasikan oleh Jawatankuasa Kampus Hijau dan Rakan Kampus Hijau. Sebanyak 13 inisiatif yang terdiri daripada 44 inisiatif Kampus Hijau telah diperkenalkan bagi mencapai objektif persekitaran kerja yang sihat dan selamat.

5.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Pelbagai pendekatan yang sistematik telah diambil oleh pihak pengurusan UiTMCP melibatkan tenaga kerja dalam merealisasikan wadah kepimpinan. Pendekatan *Talent Mapping* dan *Talent Pool* melalui pemetaan sumber daya manusia dipraktikkan untuk menyediakan barisan kepimpinan yang berkemampuan dan berketerampilan. Pemantapan barisan kepimpinan digarap melalui pelaksanaan kursus seperti *Kursus Talent Assessment In-Basket*, dan penyertaan barisan kepimpinan dalam Kursus Kompetensi Kepimpinan. Salah satu impak signifikan dalam pengurusan kepimpinan adalah kejayaan UiTMCP dinobatkan sebagai Pengurusan Akademik Cemerlang (PAC) pada tahun 2019. Ia merupakan pengiktirafan yang diberikan oleh Universiti Teknologi MARA kepada pihak pengurusan akademik UiTMCP dalam merencana dan melaksanakan operasi akademik serta menyampaikan perkhidmatan yang bermutu kepada pelajar dan universiti. ((Lampiran 5.2(a)).

Staf sokongan sangat signifikan dalam mendokong penyampaian perkhidmatan yang cemerlang. Ketua bahagian dikehendaki menyediakan unjuran keperluan staf dengan teliti agar keperluan dan nisbah staf mencapai sasaran yang ditetapkan dalam Objektif Strategik. Setelah keputusan hasil analisis Audit Perjawatan dicapai, bajet perjawatan UiTMCP akan disediakan. Proses ini diikuti dengan pengagihan staf mengikut keperluan sebagaimana perancangan yang ditetapkan. Staf yang dilantik diberikan penentuan tugas dan tanggungjawab melalui penyerahan fail meja. Bagi memastikan semua staf UiTMCP berkeupayaan dan kompeten, proses penilaian keupayaan dan kapasiti staf bermula dari peringkat pemilihan sehingga peringkat pembangunan dan pengekalan bakat yang terbaik. (Lampiran 5.2(b))

Pendekatan melalui penyampaian maklumat yang tepat dan berkesan turut dipraktikkan di UiTMCP. Melalui arahan-arahan pentadbiran atau pekeliling, pihak pengurusan UiTMCP dapat menyalurkan pekeliling daripada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), UiTM induk dan juga pekeliling daripada pihak pengurusan serta menjelaskan keputusan pengurusan tentang sesuatu perkara. Arahan pentadbiran atau pekeliling berkenaan hal ehwal pentadbiran telah dirancang dengan pendekatan yang sistematik agar staf pentadbiran dapat mengambil tindakan mengikut tempoh yang telah ditetapkan. Apabila sesuatu pekeliling pentadbiran dikeluarkan, sesi penerangan akan disampaikan kepada staf oleh ketua jabatan. Seramai 27 siri perjumpaan antara Rektor bersama semua staf bahagian dan unit telah diadakan sepanjang tahun 2019 dan 2020 untuk memastikan penyampaian maklumat secara terus dan berkesan. Siri perjumpaan ini membuka peluang bagi staf yang terlibat mengetengahkan isu, bertukar maklumat dan mencari jalan penyelesaian terbaik bagi isu berbangkit terutamanya dalam pengurusan staf-staf akademik. (Lampiran 5.2(c))

Pendekatan bagi meningkatkan kompetensi staf sokongan melalui latihan kursus, ceramah dan bengkel yang bersesuaian turut dititikberatkan. Ini selaras dengan Model Hala Tuju Strategik UiTMCP iaitu memberikan latihan yang intensif bagi menghadapi kerjasama pintar ke arah jenama global. Pengurusan UiTMCP komited untuk memastikan semua warga kerja mendapat peluang menjalani latihan 42 jam setahun dengan nisbah jam 15:15:12 bagi kompetensi umum, khusus dan *Information and Communication Technology (ICT)*. Objektif utama latihan diadakan untuk memperkasakan kecekapan staf sokongan dalam menyampaikan perkhidmatan terbaik di samping memantapkan PI yang disasarkan. (Lampiran 5.2(d))

Kepimpinan UiTMCP sentiasa menyediakan peluang dan menyokong kenaikan pangkat bagi yang berkelayakan. Email pemakluman berkenaan permohonan kenaikan pangkat dihantar serta diiklankan melalui sistem (Staf Portal) dan staf sokongan berpeluang memohon melalui

system e-rekrutmen pangkat dan tarikan L2E, seramai 60 orang staf telah memenangi dan calon-calon yang layak dipanggil untuk sesi temu duga bersama panel mengikut masa yang telah ditetapkan. Staf sokongan digalakkan untuk berdaftar dengan badan profession bagi meningkatkan kepakaran dalam bidang masing-masing. (Lampiran 5.2(e)).

SENARAI BUKTI:

1. [Lampiran 5.2a.pdf](#)
2. [Lampiran 5.2b.pdf](#)
3. [Lampiran 5.2c.pdf](#)
4. [Lampiran 5.2d.pdf](#)
5. [Lampiran 5.2e.docx.pdf](#)

5.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Staf sokongan yang berpengalaman merupakan aset kepada UiTMCP bagi mendukung kecemerlangan staf akademik. Kebolehan dan kompetensi mereka sememangnya diakui dalam membantu staf akademik dalam melakar kejayaan sehingga ke peringkat antarabangsa. Kecekapan pengurusan staf sokongan bagi setiap bahagian di UiTMCP merupakan pemangkin kepada proses P&P, penyelidikan dan kerjasama di peringkat antarabangsa dengan mengambilkira elemen inovasi dan perkongsian pengetahuan. Pengagihan staf sokongan adalah selaras dengan keperluan semasa fakulti. Sebagai contoh seramai 13 orang staf sokongan telah ditempatkan di Jabatan Pengajian Alam Bina dan Teknologi bagi menguruskan bilangan staf akademik dengan bilangan pelajar yang terbanyak diikuti dengan Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka iaitu seramai 10 orang. (Lampiran 5.3 (a)).

Sepanjang tahun 2020 hampir 100% staf sokongan telah memenuhi 42 jam latihan yang ditetapkan. Antara kursus-kursus yang dihadiri oleh para staf sokongan adalah seperti Kursus Kecemerlangan Operasi (Siri 1), Bengkel Asas KIK UiTMCP, Kursus Pelupusan Rekod bagi UiTMCP, Sesi latihan menyediakan Pesanan Jabatan (L/O), Program Sikap Positif di Tempat Kerja: Harapan Majikan, dan Pengukuhan Iltizam. Kesemua kursus yang dihadiri tidak terhad kepada anjuran UiTMCP sahaja malah turut melibatkan anjuran *Institute of Leadership and Development (ILD)* dan agensi luar. Latihan seperti ini dapat meningkatkan kompetensi staf sokongan sekaligus menyumbang kepada penyampaian perkhidmatan yang cemerlang. (Lampiran 5.3 (b)).

Penglibatan tenaga kerja dalam majlis-majlis rasmi dan tidak rasmi yang dijalankan secara virtual jelas wujud di UiTMCP. Majlis rasmi seperti Istiadat Konvokesyen telah dijalankan secara temu janji yang melibatkan seramai 390 graduan dengan kerjasama staf sokongan. Persiapan majlis dilakukan dengan rapi melalui beberapa sesi mesyuarat antara bahagian-bahagian yang terlibat (Lampiran 5.3(c)). Dalam majlis-majlis tidak rasmi, kerjasama dan komunikasi antara tenaga kerja wujud apabila diadakan majlis-majlis yang dijalankan secara maya seperti Webinar Kesejahteraan Diri secara virtual (CSI), *Virtual Valley* seperti *Virtual Online Office* dan *Online Virtual Training*. (Lampiran 5.3(d)). Kesemua program rasmi dan tidak rasmi pada tahun 2020 dijalankan secara maya kesan daripada COVID-19 yang melanda seluruh dunia.

Seramai 7 orang staf sokongan di UiTMCP telah berdaftar dengan badan professional. Seramai 2 orang masing-masing daripada Unit Kesihatan, Unit Kaunseling, Bahagian Infostruktur dan seorang daripada Bahagian Bendahari. Antara badan professional yang didaftarkan adalah seperti Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) yang membawa kepada gelaran Teknologis dan *Malaysian Institute of Accountants (MIA)*. Terdapat juga staf sokongan yang menyertai organisasi sukarelawan seperti MERCY, Agensi Anti-Dadah Kebangsaan (AADK), Perubatan Darussyifa dan Persatuan Kumpulan Latihan Kelanasiswa (KLKM) Malaysia. (Lampiran 5.3 (e)).

Pihak pengurusan UiTMCP menyediakan suatu pelan penggantian jawatan lantikan dengan mencalonkan staf berpotensi bagi sesuatu jawatan berdasarkan pengalaman dan kebolehan. Staf sokongan yang dicalonkan akan dihantar menjalani latihan yang berkaitan dengan kepimpinan sebagai persediaan untuk menjalankan tugas. Jika berlaku kekosongan jawatan atau yang memerlukan lantikan pemangku, nama pertama dalam senarai akan dipilih. Ia mencerminkan kepimpinan universiti bagi memangkin perkembangan kerjaya staf yang lebih positif serta menjurus kepada pengurusan staf yang lebih baik dan teratur serta menyumbang

pada kenaikan indeks kegirangan (HI) di tempat kerja di mana UiTMCP berjaya mencatatkan sebanyak 76% bagi keseluruhan HI pada tahun 2020. Ini seterusnya meninggalkan impak yang positif kepada pembangunan universiti dengan penghasilan hasil kerja yang baik, cekap dan efisien.

SENARAI BUKTI :

1. [Lampiran 5.3a.pdf](#)
2. [Lampiran 5.3b.pdf](#)
3. [Lampiran 5.3c.pdf](#)
4. [Lampiran 5.3d.pdf](#)
5. [Lampiran 5.3e.docx.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

5.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Kepuasan Tenaga Kerja

Kenaikan pangkat adalah satu imbuhan kepada staf pentadbiran untuk dijadikan sebagai pemangkin dalam pembangunan kerjaya di universiti. Kenaikan pangkat yang berlaku adalah secara *time-based* dan lantikan kanan. Sehingga Disember 2020, 23 staf pentadbiran dianugerahkan kenaikan pangkat. Senarai ini melibatkan gred KP52 seorang, JA36 seorang, FT26 seorang, N32 (2 orang), N22-26 (4 orang), N14-16 (4 orang), KP14 (4 orang), S22-26 (4 orang), dan 3 orang bagi H14. (Lampiran 5.4.1 (a)). Pemberian APC juga memainkan peranan yang penting dalam menyumbangkan kepada pengurusan dan pembangunan staf. Untuk tahun 2020, seramai 38 staf pentadbiran telah mendapat anugerah pencapaian yang cemerlang dalam bidang masing-masing. (Lampiran 5.4.1 (b)).

Penganjuran Program Iltizam masih diteruskan bagi memberi pengiktirafan tertinggi kepada para staf sokongan yang telah menyumbang kepada pembangunan universiti. Program ini telah dilaksanakan sebanyak 4 kali pada tahun 2020 anjuran bahagian Pejabat Bendahari, Bahagian Pembangunan & Pengurusan Fasilitas (BPPF), Bahagian Infostruktur dan Bahagian Perpustakaan. Objektif program ini untuk meraikan sumbangan dan penghargaan kepada staf sokongan yang telah bertugas sebagai barisan hadapan sepanjang tempoh PKP dan menyampaikan anugerah staf cemerlang bulanan bagi kategori staf pentadbiran dan staf akademik. Majlis apresiasi seperti ini terhasil daripada kepimpinan universiti yang prihatin dan komited demi menggalakkan pencapaian yang lebih tinggi di kalangan warga kampus pada masa akan datang. (Lampiran 5.4.1 (c)).

Kepimpinan UiTMCP sentiasa cakna dan prihatin dalam menjaga kebajikan seluruh warganya. Bantuan dalam bentuk sumbangan zakat dan sedekah turut disalurkan kepada staf sokongan yang memerlukan. Sepanjang tahun 2020, seramai 115 orang penerima telah menerima manfaat daripada usaha murni ini. Kecekapan kepimpinan dalam menjalankan tanggungjawab ini telah dibuktikan dengan pencapaian terbaik indeks kegirangan antara kampus pada tahun 2020 (Lampiran 5.4.1(d)).

Bagi program-program berbentuk kerohanian, Unit Hal Ehwal Islam (UHEI) telah melaksanakan pelbagai program termasuklah program sempena sambutan hari-hari kebesaran Islam secara maya. Antara program yang telah berjaya dilaksanakan sepanjang tahun 2020 ialah Bicara Rohani bersempena Maulidur Rasul dan Program World #Quran Hour peringkat UiTMCP. Program sebegini dilaksanakan bagi melahirkan warga kerja yang seimbang dari segi spiritual, jasmani dan emosi. Program ini juga mampu mewujudkan integrasi antara bahagian bagi membangunkan modal insan yang berkualiti dan pengurusan governan yang cemerlang. (Lampiran 5.4.1 (e))

SENARAI BUKTI:

1. [Lampiran 5.4.1a.pdf](#)
2. [Lampiran 5.4.1b.pdf](#)
3. [Lampiran 5.4.1c.pdf](#)
4. [Lampiran 5.4.1d.pdf](#)

5.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

UiTMCP sentiasa menitikberatkan keselamatan dan kesihatan warga kerja terutamanya bagi mengekang penularan wabak COVID-19. Pelaksanaan norma baharu yang digariskan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) serta Prosedur Operasi Standard (SOP) yang dikeluarkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) melalui Pekeliling UiTM sentiasa dipatuhi. Dalam tempoh pemulihan menuju normalisasi ini, setiap warga kerja diwajibkan untuk membuat saringan menggunakan Aplikasi Deklarasi Saringan Risiko COVID-19 setiap hari bagi memastikan staf yang tidak berisiko sahaja dibenarkan hadir ke kampus.

Kehadiran warga dan pelawat turut dipantau dengan teliti di mana kemasukkan ke kampus hanya dihadkan melalui Pintu Utama sahaja dan pemeriksaan suhu badan dilakukan dan mereka juga perlu mengimbas QR Code yang disediakan di setiap unit dan bahagian di UiTMCP. Dengan cara ini, jejak pergerakan warga kampus dapat diperolehi dan sekiranya suhu badan warga dan pelawat melebihi 37.5% atau bergejala seperti demam, batuk, selsema dan susah bernafas apabila disaring, mereka tidak dibenarkan memasuki kawasan kampus. Selain itu, penyediaan hand sanitizer di setiap kaunter unit dan bahagian turut dilakukan, Warga kerja turut diingatkan sentiasa memakai penutup muka pada setiap masa.

Di bawah kepimpinan yang cemerlang, UiTMCP mengambil pendekatan kemudahan penggiliran kerja secara berjadual dengan membenarkan staf bekerja dari rumah dengan mematuhi Panduan Bekerja Dari Rumah (BDR) yang dikeluarkan oleh Pejabat Pendaftar pada 30 Mac 2020. Bagi pengurusan bilik-bilik kuliah, makmal, bengkel dan studio, pemantauan terhadap kebersihan dan keselamatan turut dilakukan. Para staf dan pelajar sentiasa diingatkan supaya mematuhi arahan penjarakan fizikal (jarak 1 meter) dan kapasiti penggunaan ruang tidak melebihi 50% daripada kapasiti sebenar. Warga kerja UiTMCP turut digalakkan untuk melaksanakan mesyuarat secara dalam talian terutamanya yang melibatkan ahli mesyuarat yang ramai dan ruang yang terhad bagi mengelakkan penularan COVID-19. Pelbagai medium atas talian yang digunapakai seperti *Google Meet*, *Cisco Webex Meeting* atau aplikasi yang selamat disediakan oleh UiTM bagi menjayakan mesyuarat dan aktiviti-aktiviti penyampaian maklumat yang lain. (Lampiran 5.4.2 (a)).

Risiko integriti turut ditekankan dalam pengurusan sumber manusia. Warga UiTMCP sentiasa diingatkan agar sentiasa menjaga kerahsiaan maklumat dan data rasmi yang telah dipertanggungjawabkan kepada sesuatu unit atau jabatan. Borang perakuan akan diedarkan kepada seluruh staf UiTMCP untuk ditandatangani di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972. (Lampiran 5.4.2 (b)).

SENARAI BUKTI :

1. [Lampiran 5.4.2a.pdf](#)
2. [Lampiran 5.4.2b.pdf](#)

5.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Persekitaran Kerja

Melalui inisiatif Amalan Kampus Hijau, satu memorandum persefahaman telah ditandatangani antara UiTMCP bersama pihak e-Idaman Sdn Bhd selaku pembekal sangkar 3R bagi memperkasa amalan kitar semula (3R). Beberapa kempen kesedaran menggunakan sangkar 3R telah dijalankan termasuklah “3R: Kitar untuk Amal” di mana hasil kutipan kitar semula ini disumbangkan ke Tabung Sedekah Pusat Islam. Selain itu, setiap jabatan dan unit contohnya Unit Pentadbiran, Pusat Mahasiswa serta fakulti-fakulti telah mengambil inisiatif mewujudkan zon hijau di pejabat masing-masing bagi mewujudkan persekitaran kerja yang nyaman dan harmoni sekaligus dapat meningkatkan mutu kerja warga UiTMCP (Rajah 5.2: Inisiatif Amalan Hijau Kampus).

Di bawah inisiatif Rekabentuk dan Ekosistem Hijau, projek penanaman pokok ke seluruh kampus di UiTMCP melalui Program Tanam Pokok: Kekal Hijau Perak 2020 telah dianjurkan dengan jayanya. Sebanyak 560 anak pokok hasil sumbangan Perbadanan MB Perak telah berjaya ditanam dan usaha ini dilihat dapat mengekalkan suasana hijau di samping menambah baik lanskap kampus selaras dengan moto “*Green Movement in UiTMCP*”. Projek Bumbung Hijau di Blok Annex 1 turut diperkenalkan di mana tanaman renek ditanam di atas bumbung blok tersebut bagi menghasilkan “*edible herbs garden*” di dalam kampus. Projek Sistem *Solar Energy* juga merupakan inisiatif yang mendokong kepada rekabentuk dan ekosistem hijau. Sebanyak 2 set solar panel bersaiz mikro telah dipasang di wakaf sekitar tasik kampus bagi membekalkan pencahayaan tambahan kepada kawasan sekitarnya sekaligus menyediakan persekitaran kampus yang lebih selamat. (Lampiran 5.4.3 (a)).

Manakala inisiatif Infrastruktur ICT P&P pula, selain penyediaan prasarana ICT yang berkesan selari dengan Objektif Kualiti 13 (b)(ii) iaitu 80 peratus perkhidmatan ICT untuk staf akademik dan pentadbiran mencapai tahap melebihi skala 4.5 bagi mencapai Universiti Lestari menjelang 2025. Justeru, beberapa inisiatif telah dijalankan sepanjang tahun 2020 seperti meningkatkan penggunaan sistem *live streaming* bagi menyiarkan program-program kampus secara langsung. Selain itu, penggunaan sistem wifi baharu bagi kemudahan capaian internet tanpa wayar dengan kelajuan yang tinggi turut diperkenalkan. Bagi memenuhi keperluan P&P secara *Open Distance Learning* (ODL), pemasangan 45 buah *webcam* di makmal komputer telah dilaksanakan bagi kegunaan para pelajar. (Lampiran 5.4.3 (b)).

SENARAI BUKTI :

1. [Lampiran 5.4.3a.pdf](#)
2. [Lampiran 5.4.3b.pdf](#)

5.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

5.5.1 Inovasi

5.5.1(1) *Virtual Valley*

Merupakan satu platform yang menggabungkan 2 elemen pengurusan pejabat dan pembangunan sumber manusia secara maya iaitu pengurusan pelanggan di kaunter dan pengurusan latihan. Ianya diilhamkan lanjutan daripada pandemik COVID-19 untuk menggerakkan jabatan supaya dapat berfungsi dengan efisien dalam norma baharu bagi melestarikan peranan Jabatan terlibat.

Melalui inovasi ini, staf boleh mendapatkan perkhidmatan di UiTMCP melalui *Online Virtual Office* tanpa perlu hadir secara fizikal di kaunter dan maklumbalas pertanyaan akan diperolehi dalam masa 3 hari bekerja. Elemen kedua *Virtual Valley* iaitu *Virtual Training* yang memaparkan beberapa rakaman video kursus atau latihan yang telah dijalankan sepanjang tempoh pandemik. Bagi staf yang telah melihat rakaman tersebut, disamping dapat meningkatkan ilmu pengetahuan berkenaan bidang berkaitan, mereka juga layak diberikan jam latihan untuk mencapai sasaran KPI yang telah ditetapkan kepada setiap staf UiTM. (Lampiran 5.5 (a)).

5.5.1(2) *Counselling, Sports, & Islamic (CSI) Wellbeing*

Program kesejahteraan diri secara maya ini merupakan sinergi antara bahagian iaitu Pejabat Pentadbiran, Unit Kaunseling, Unit Sukan, Unit Hal Ehwal Islam (UHEI), Bahagian Infostruktur dan Unit Komunikasi Korporat di UiTMCP. Inovasi ini teretus apabila melihat kepada kepentingan menjaga kesihatan fizikal, mental dan spiritual sepanjang pandemik. Program sebegini dapat menggalakkan warga UiTMCP untuk bersenam secara fizikal dan disajikan dengan ilmu hati dan minda dari ruang kerja masing-masing kerana program ini disiarkan melalui Youtube UiTM Perak secara berkala pada hari Jumaat.

Impak daripada program ini dapat dilihat dengan wujudnya *Green Studio*, penerokaan kepelbagaian kemahiran staf sekaligus menjadikan ia sebagai platform untuk staf memenuhi 42 jam latihan setahun. Sepanjang tahun 2020, sebanyak lapan siri (8) program Webinar di bawah Program Kesejahteraan Diri secara Virtual telah dijalankan contohnya “Minda Positif Melalui Kecergasan”, “Penjagaan Diri Perspektif Psikologi, dan penglibatan dari seluruh warga UiTMCP sangat membanggakan. (Lampiran 5.5 (b)).

5.5.1 (3) Sistem e-SURAT

Unit Pengurusan Kualiti (UPK) dengan kerjasama para Pensyarah FSKM UiTMCP telah menginovasikan sistem e-Surat. Sistem Penjanaaan Surat Rasmi Digital telah meningkatkan kualiti pengurusan di mana surat lantikan dapat disediakan dalam tempoh masa yang singkat dengan sifar kesilapan format dan ejaan sekaligus meminimumkan kos percetakan kepala surat PTJ. Inovasi ini selari dengan perkembangan dan keperluan teknologi semasa. (Lampiran 5.5 (c)).

SENARAI BUKTI :

1. [Lampiran 5.5a.pdf](#)
2. [Lampiran 5.5b.pdf](#)
3. [Lampiran 5.5c.pdf](#)

KRITERIA 6 : TUMPUAN KEPADA OPERASI

6.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

UiTM Cawangan Perak (UiTMCP) beroperasi dalam suatu ekosistem yang komprehensif, penghayatan kepada budaya kerja yang cemerlang, berkualiti dan berimpak tinggi kepada semua pemegang taruh universiti. Pengoperasian UiTM PerakCP berpandukan kepada Perancangan strategik UiTMCP yang dipecahkan kepada 2 fasa utama. Bermula dari tahun 2020 pelan perancangan strategik adalah merujuk kepada *Blueprint* atau Pelan Strategik UiTM 2025 (2020-2025) manakala tahun 2019 pula merupakan fasa akhir kepada pelaksanaan RMK-11, UiTMCP 2016-2020. Model *PDCA* adalah antara model yang digunakan oleh UiTMCP dalam merangka strategi pengoperasian dan sistem kerja universiti.

Penggunaan model ini membantu universiti melakarkan Perancangan (*Plan*) melibatkan ketetapan objektif dan sasaran, matlamat dan hala tuju tadbir urus universiti serta perancangan kepada penambahbaikan terhadap pembudayaan sistem kerja yang cemerlang. Pembentukan matlamat sasaran dan objektif operasi universiti adalah bersandarkan kepada pensejajaran matlamat *Strategic Execution Model 2025 &@ UiTM Perak*, Objektif Kualiti UiTM Perak, mandat Amanat Naib Canselor UiTM serta Amanat Rektor UiTMCP. Perancangan ini juga disebar luas kepada semua PTJ dan prosesnya juga melibatkan semua unit dan pusat dalam organisasi universiti. UiTMCP telah menyumbang kepada sasaran Pelan Strategik UiTM 2025 dalam kapasiti sediaada.

Proses Pelaksanaan (*Do*) adalah dengan membuat penambahbaikan mengikut kepada perancangan penambbaikan serta memastikan ketetapan objektif pengoperasian universiti tercapai. Pelaksanaan proses kerja adalah merangkumi kepatuhan kepada pelaksanaan sistem kualiti kerja, kawalan kos serta pengurusan risiko. Bagi memastikan objektif dan sasaran tercapai, penekanan kepada operasi universiti melibatkan kepada tujahan hasil adalah kepada pelaksanaan UiTMCP dalam pendidikan berkualiti dan pemeraksanaan kepimpinan akademik, penarafan penyelidikan, inisiatif kampus hijau serta ketampakan universiti.

Proses Pemantauan (*Check*) dalam pengoperasian UiTMCP dapat dilihat dengan sistem semak dan imbang melalui Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) yang dijalankan 2 kali setahun. Dalam mesyuarat ini, setiap ketua pusat dan unit perlu untuk melaporkan pencapaian PI dan KPI terkini universiti. Ini bermakna, dalam tempoh 6 bulan semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) perlu melaporkan kemajuan pencapaian KPI dan PI masing-masing. Barisan Pengurusan Eksekutif pula dapat melihat perkembangan hasil pencapaian PTJ. Bahagian Hal Ehwal Akademik (BHEA) misalnya bertanggungjawab dalam memastikan pencapaian kepada pendidikan berkualiti, Pejabat Jaringan Industri, Masyarakat dan Alumni (PJI&MA) diberi penekanan kepada penarafan penyelidikan serta ketampakan universiti manakala Jawatankuasa Kampus Hijau pula bertanggungjawab bagi memsadikan inisiatif kampus hijau dapat dicapai dengan jayanya.

Proses Tindakan (*Act*) dalam pengoperasian UiTMCP pula adalah meletakkan penandaarasan prestasi sebelum dan selepas pencapaian hasil. Ia juga merupakan Langkah persediaan dan ruang penambahbaikan. Tindakan boleh diambil daripada intipati *lesson-learned* dan kewujudan risiko yang dibentangkan dalam MKSP. Ketua pusat bahagian dan unit perlu untuk mestilah mengambil tindakan hasil daripada pelaporan MKSP bagi memastikan kelestarian sistem operasi dan budaya kecemerlangan kepimpinan warga UiTMCP dapat diteruskan. Secara kesimpulannya, setiap daripada komponen dalam tadbir urus UiTMCP merangkumi ketua-ketua PTJ, unit dan bahagian dan unit telah menunjukkan komitmen kepimpinan yang cemerlang bersama-sama dengan barisan pengurusan tertinggi universiti bagi memastikan semua objektif kualiti dilaksanakan dengan begitu baikdicapai ke tahap yang cemerlang.

6.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Tumpuan operasi UiTMCP adalah kepada pemeraksanaan bidang akademik, penarafan terhadap penyelidikan dan inisiatif kampus hijau.

1. Pendidikan Berkualiti dan Pemeraksanaan Bidang Akademik

Model High End TVET - HETVET @ UiTM merupakan salah satu usaha yang dilaksanakan oleh barisan kepimpinan akademik UiTMCP sebagai suatu akses kepada Pendidikan Berkualiti. Model HETVET @ UiTM telah diluluskan oleh Mesyuarat Majlis Eksekutif Universiti (MEU) bil 1.2020 pada 08 Januari 2020 (Lampiran 6.2 (a)), diperakukan dalam Mesyuarat Senat ke – 259. Pelancaran model ini telah diadakan semasa Conference of Head of Academic Departments (CHAD) 2020 berlangsung pada 10 September 2020.

Perlaksanaan model ini dapat memacu perubahan UiTM ke arah membangun dan melahirkan graduan yang berpengetahuan, berkemahiran, serta kritis dalam pemikiran serta berjiwa kemanusiaan. Barisan kepimpinan UiTMCP menyokong usaha ini bagi memastikan objektif perlaksanaannya tercapai. Rektor telah dilantik sebagai Pengerusi II Jawatankuasa Strategik Perlaksanaan bagi inisiatif ini. Barisan pensyarah yang terlibat dalam penghasilan penerbitan *Handbook HETVET@UiTM* (Lampiran 6.2(b)) UiTMCP telah diberikan mandat sebagai penyelar strategik perlaksanaan High-End (TVET) di seluruh sistem UiTM.

High-End TVET (HETVET) dikenal pasti sebagai pemacu perubahan bagi UiTM dalam landasan pendidikan TVET bakal melahirkan para pelajar yang menguasai pengetahuan dan kognitif serta kemahiran *functional work skills* yang kompeten dalam bidang-bidang yang tertentu. Graduan HETVET akan mempunyai daya pemikiran yang kreatif dan inovatif bagi membantu industri atau organisasi menyelesaikan masalah-masalah yang timbul serta meningkatkan produktiviti organisasi/industri.

Pusat Inovasi Pengajaran dan Pembelajaran (*Hub for Innovative Teaching & Learning - HITeL*) - Seiring dengan perkembangan teknologi dan anjakan paradigma dalam bidang pendidikan, UiTMCP tidak ketinggalan melakukan perubahan dalam memastikan kecemerlangan pemindahan ilmu bertepatan dengan Objektif Kualiti empat (4), UiTMCP melalui pendekatan HITeL. UiTMCP telah menjadi perintis kepada penubuhan HITeL (Lampiran 6.2 (c)) yang menjadi platform kepada warga UiTMCP dalam memperkaya kaedah pengajaran dan pembelajaran sejajar dengan keperluan *Industrial Revolution 4.0 (IR 4.0)* HITeL dilihat sebagai satu persediaan mantap kepimpinan akademik UiTMCP dalam mendepani cabaran pengajaran dan pembelajaran atas talian terutamanya persediaan kepada *Online Distance Learning (ODL)*.

2. Pemindahan Ilmu

Bertepatan dengan Fokus Utama UiTM 2019 iaitu *Good Agile Governance* dan Teras Strategik UiTM 2020 yang mengangkat tema *Global Excellence*, perkongsian pintar industri dan komuniti telah dibuktikan melalui program pemindahan ilmu melalui inisiatif Geran Penyelidikan Lestari SDGTriangle@UiTM 2.0 yang memfokuskan kepada pembangunan Orang Asli dan daripada pelaksanaan program *Service Learning Malaysia - University For Society (SULAM)* (Lampiran 6.2 (d)). Para penyelidik yang terdiri daripada kumpulan-kumpulan akademia ini komited dalam menjalankan kajian-kajian berimpak tinggi dan dapat menyumbang manfaat yang besar kepada

komuniti dan masyarakat dengan kerjasama bersama industri berkaitan. Pendekatan melalui '*media synergy*' dan komunikasi strategik telah merencanakan penyertaan akademik dalam pelbagai cabang pemindahan ilmu seperti pakar rujuk (Lampiran 6.2 (e)), pensyarah pelawat serta sesi jelajah maya ke institusi antarabangsa melalui siri konferensi turut merencanakan keterampilan UiTMCP dalam usaha pengantarabangsaan.

3. Inisiatif Kampus Hijau

Pendekatan UiTMCP dalam melestarikan amalan hijau adalah melalui kerjasama strategik bersama industri bagi mewujudkan kesedaran kepentingan Kitar Semula (3R), kitar untuk amal dan penanaman pokok sumbangan daripada kerajaan tempatan. Setiap unit dan fakulti diwajibkan untuk mewujudkan zon hijau di kawasan kerja mereka (Lampiran 6.2 (e)).

SENARAI BUKTI:

1. [Lampiran 6.2a.pdf](#)
2. [Lampiran 6.2b.pdf](#)
3. [Lampiran 6.2c.pdf](#)
4. [Lampiran 6.2d.pdf](#)
5. [Lampiran 6.2e.docx.pdf](#)

6.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

1. Pendidikan Berkualiti dan Pemerksaan Bidang Akademik

Model High End TVET – Inisiatif pembangunan Model HETVET ini dilihat sebagai menyokong usaha Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) ke arah memperkasakan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) negara. Ia juga adalah selari dengan fokus strategik ketiga iaitu pengukuhan kebolehpasaran Graduan. Pelaksanaan Pemakaian Model HETVET@UiTM bagi pembangunan 3 program akademik baharu dan semakan kurikulum bagi program akademik UiTM. Model yang diterbitkan dalam bentuk *Handbook* ini akan digunapakai di seluruh sistem UiTM (Lampiran 6.3 (a)).

Hub Inovasi Pengajaran dan Pembelajaran (HiTeL) – Bagi program-program HiTeL, perluasan program ini adalah kepada kampus-kampus UiTMCP yang mana, ahli jawatankuasa yang terlibat adalah terdiri daripada kluster-kluster seperti di Lampiran 6.3 (b) dan *Jadual 6.3*. Penglibatan para akademia daripada pelbagai fakulti merentasi bidang ini dinaungi oleh Rektor dan Timbalan Rektor Hal Ehwal Akademik (TRHEA) sebagai Penasihat Pusat HiTeL. Panel jemputan bagi program-program Pusat HiTeL juga adalah terdiri daripada akademia UiTM dan panel pakar dari universiti terkemuka. Perluasan pelaksanaan Pusat HiTeL dapat dilihat dengan penerbitan *proceeding* InTelec 2019 yang menjadi platform perkongsian hasil penyelidikan akademia berkaitan dengan inovasi pengajaran dan pembelajaran yang merentasi bidang di UiTMCP.

Penarafan pengamal profesional (MBOT) - Bagi memastikan Pendidikan Berkualiti dapat dicapai, kursus-kursus yang berorientasikan HETVET dan MBOT (Lampiran 6.3 (c)), beberapa inisiatif telah digerakkan seperti seperti semakan kurikulum dibuat oleh semua koordinator terlibat serta dibantu oleh AJK NOBLE. Setiap program juga diberikan latihan tentang kaedah melaksanakan kurikulum yang tepat. Pelaporan secara berkala juga dibuat di Mesyuarat (JKEN) serta pembentangan (CDL-CQI) dalam mesyuarat CDL CQI.

2. Pemindahan ilmu – Keterampilan UiTMCP dalam usaha pemindahan ilmu telah dibuktikan dengan ramai akademia yang telah dilantik sebagai pakar rujuk, pensyarah pelawat dan pertukaran syarahan di peringkat global. Usaha pengantrabangsaan ini telah membawa kepada tawaran-tawaran geran dalam dan luar negara. Langkah ini adalah pragmatik dan berkesan untuk penyampaian maklumat secara komprehensif supaya manfaatnya juga terus kepada masyarakat amnya. Kepimpinan UiTMCP juga telah mengorak langkah dengan menggerakkan inisiatif Geran Khas Inisiatif Penyelidikan Perak (GKIPP) dan geran dalaman. Usaha ini adalah bagi mempertingkatkan penerbitan berimpak tinggi dalam kalangan akademia. Hasil kajian dan penerbitan ilmu ini akhirnya dapat dikongsi melalui program pemindahan ilmu seperti webinar, seminar maya melibatkan kolaborasi bersama industri, universiti-universiti tempatan mahupun luar negara. (Lampiran 6.3 (d) & 6.3 (e)).

3. Inisiatif Kampus Hijau

Selain daripada amalan hijau yang diterapkan dalam kalangan warga kampus UiTMCP, perluasan kepada ekosistem dan rekabentuk hijau turut dilaksanakan oleh Jawatankuasa Kampus Hijau. Antaranya adalah seperti bumbung hijau yang mana penggunaan fasiliti seperti ruangan bumbung rata dimanfaatkan dengan menghasilkan *edible herbs garden* dalam kampus (Lampiran 6.3 (c)).

4. Ketampakan Universiti

Kecemerlangan kepimpinan melalui gerak kerja yang baik menghasilkan perancangan yang sistematik serta berdaya saing dan mendokong Fokus Strategik UiTMCP 2020, telah membawa UiTMCP ke mercu kegemilangan dalam ketampakan universiti. Pelbagai inisiatif telah digerakkan seperti penampilan para akademik di media arus perdana. Galakan dan sokongan daripada kepimpinan UiTMCP telah membawa kepada peningkatan ketampakan universiti, selain daripada fungsi dan peranan UKK serta PJI&MA (Lampiran 6.3 (d) & 6.3 (e)) yang menjadi pemudah cara kepada penampilan para akademik di media arus perdana serta program tanggungjawab sosial korporat.

SENARAI BUKTI :

1. [Lampiran 6.3a.pdf](#)
2. [Lampiran 6.3b.pdf](#)
3. [Lampiran 6.3c.pdf](#)
4. [Lampiran 6.3d.pdf](#)
5. [Lampiran 6.3e.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

6.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Pemantauan terhadap pelaksanaan operasi universiti adalah dengan mewujudkan pelaporan dalam mesyuarat-mesyuarat berkaitan operasi dan pelan strategik UiTMCP. Mesyuarat tersebut dipengerusikan oleh Rektor UiTMCP, dihadiri oleh pengurusan kanan universiti serta ketua-ketua PTJ. Pencapaian KPI, PI, isu berbangkit, agenda berkaitan serta pengurusan risiko dibentangkan dalam mesyuarat ini bagi mengenalpasti tindakan yang perlu bagi mencapai KPI dan PI.

Kepatuhan kepada pelaksanaan sistem kualiti kerja (Audit) – Kelestarian Pendidikan Berkualiti (Teras Strategik 1)

UiTMCP Kampus Seri Iskandar dan Tapah melaksanakan pengurusan proses kerja secara berasingan. Namun, bagi menjamin kesetaraan dan kelestarian tadbir urus UiTMCP, sasaran Objektif Kualiti dijadikan panduan dalam proses pengurusan. Pemantauan dan penambahbaikan kepada sistem kerja dilaksanakan menerusi kepatuhan terhadap Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) melalui penubuhan jawatankuasa kerja dan lawatan audit yang berkala bagi menjamin perkembangan pengurusan proses kerja yang positif. Pelaksanaan audit kualiti kerja adalah meliputi 7 bidang (Lampiran 6.4.1 (a)). Setiap lawatan audit dijalankan oleh pasukan audit dalam yang terlatih dan pelaporan dilakukan dengan menggunakan *google document* bagi mempercepatkan dan memudahkan Ketua Sistem Audit (KSA) memantau serta melengkapkan pelaporan audit untuk dibentangkan dalam Mesyuarat Penutup kepada pengurusan. Setiap PTJ akan memberikan maklumbalas melalui Log Tindakan beserta bukti bagi setiap penambahbaikan yang telah dilaksanakan.

Teaching Evaluation Self-Assessment (TESA) - Kecemerlangan Global (Teras Strategik 2)

Bagi memastikan kecemerlangan global dan pendidikan berkualiti, BHEA telah melaksanakan pemantauan proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) melalui TESA bagi meningkatkan profesionalisme para akademik. Ia merupakan penilaian komprehensif sebagai tambahan kepada PROPENS dan SUFO yang mana diperluaskan falsafah penilaian P&P dalam konteks pengajaran melalui pendekatan *hybrid* (tatap muka) dengan pembelajaran terbuka dan jarak jauh (ODL) (Lampiran 6.4.1 (b)).

Kemampuan Kewangan dan Kawalan Kos - Prestasi Berorientasikan Nilai (Teras Strategik 3)

Pengurusan kewangan yang mampan dapat dilihat dalam kawalan kos operasi universiti bagi mencapai pengendalian kampus lestari. UiTMCP telah menggunakan pelbagai mekanisme bagi memastikan perbelanjaan berhemah dan kawalan kos pada tahap yang optimum merujuk kepada beberapa inisiatif (*Jadual 6.4.1 (a) & Jadual 6.4.1 (b)*) Penjimatan kos penilaian dan pengujian dicapai melalui proses menganalisis borang kaji selidik. Penjimatan kos komunikasi dapat mengurangkan penggunaan kertas untuk tujuan rekod dan masa pemprosesan dengan menyebarkan maklumat dan mendapatkan maklum balas secara maya.

-
1. [Lampiran 6.4.1a.pdf](#)
 2. [Lampiran 6.4.1b.pdf](#)
 3. [Lampiran 6.4.1c.pdf](#)

6.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pengurusan Risiko

UiTMCP telah mengenal pasti, menilai dan mengatur kepentingan risiko bagi semua bahagian. Penilaian impak risiko dilaksanakan berdasarkan daftar risiko UiTMCP. Pelaporan risiko boleh dibuat oleh ketua-ketua pusat dan unit. Pada tahun 2019 dan 2020 kebanyakan risiko yang didaftarkan adalah berkaitan dengan pematuhan kepada *Standard Operation Procedure* (SOP) yang berkuatkuasa berikutan penyebaran wabak COVID-19 yang melanda Malaysia dan seluruh dunia. Kewibawaan kepimpinan telah ditunjukkan oleh pegawai-pegawai pengurusan risiko yang memastikan pelaporan daftar risiko ini dapat diselesaikan dengan segera. Pelaporan juga dibuat dalam system eRMS (Lampiran 6.4.2 (a)).

Daftar risiko dapat dikategorikan kepada beberapa kategori iaitu risiko strategik, kewangan, perundangan, reputasi, operasi dan projek utama. Daftar risiko ini juga didaftarkan pemilikinya mengikut PTJ yang berkenaan. Bagi pengurusan risiko operasi ia adalah melibatkan semua proses kerja bagi mencapai objektif organisasi seperti keselamatan rekod, keselamatan pekerja, pengurusan dan pembangunan sumber manusia, fasiliti dan lain-lain.

Risiko Operasi

Terdapat 5 daftar risiko berkaitan operasi (Lampiran 6.4.(b) telah dilaporkan sepanjang tahun 2020 manakala 4 daftar risiko berkaitan operasi universiti telah dilaporkan pada tahun 2019. Kesemua risiko ini dinilai tahap risiko sebagai rendah, sederhana, tinggi dan ekstrim. Punca-punca dan penyebab risiko, impak dan kaedah kawalan sediaada dan kawalan tambahan yang dicadangkan turut direkodkan.

Antara risiko operasi yang telah dilaporkan adalah seperti peralatan di bengkel (seramik) yang memerlukan pengawalan khusus ketika waktu penggunaan akibat daripada risiko seperti kebocoran gas boleh berlaku. Masa penggunaan juga dihadkan kepada waktu perdana sahaja. Terdapat juga risiko-risiko P&P yang terganggu akibat daripada penggunaan komputer-komputer makmal yang memerlukan spesifikasi yang lebih tinggi bagi mencapai pendidikan yang berkualiti.

Terdapat pelbagai risiko yang telah dikenal pasti akibat daripada pandemik yang berlaku khususnya yang boleh memberikan kesan dan gangguan kepada proses P&P seperti pengeposan nota-nota kuliah dan bahan pengajian kepada pelajar yang terkesan dengan kesukaran mendapatkan capaian internet di rumah. Ini merupakan kesan perubahan proses P&P daripada bersemuka kepada *Open Distance Learning* (ODL) yang memerlukan capaian internet yang baik. Selain itu pelajar turut dihubungi melalui telefon, emel, *whatsapp*, telegram atau mana-mana aplikasi yang bersesuaian dengan kadar penggunaan internet yang lebih rendah.

SENARAI BUKTI :

1. [Lampiran 6.4.2a.pdf](#)
2. [Lampiran 6.4.2b.pdf](#)

6.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

UiTMCP proaktif dalam usaha menambahbaik sistem kerja secara menyeluruh dan berterusan. Usaha penambahbaikan dibuat oleh setiap ketua PTJ dan unit bagi memastikan sistem kerja dan operasi yang lestari dan mapan. Bagi usaha penambahbaikan dalam mencapai teras strategik pendidikan berkualiti, prestasi berorientasikan nilai, sistem pemantauan akademia PRO-PENS, misalnya memberikan maklum balas hasil pemantauan kepada pensyarah yang dinilai bagi membuat penambahbaikan proses P&P. Pensyarah yang memperolehi markah kurang daripada 80% akan dipantau semula. Manakala pensyarah yang mendapat skor 90% dan keatas akan diberikan surat penghargaan.

Kecemerlangan kepimpinan yang berpaksikan Pendidikan Berkualiti dilakukan melalui pendekatan hubungan dan keterlibatan industri serta badan profesional dalam pembangunan program akademik bagi memastikan program yang ditawarkan memenuhi kehendak pasaran, berdaya saing, relevan, memenuhi keperluan industri dan lestari (Lampiran 6.4.3(d)).

Kepimpinan UiTMCP telah memberi tumpuan kepada sistem pengurusan proses yang lebih efektif melalui pemantapan matlamat strategik utama. Setiap matlamat strategik utama ini diukur dengan pencapaian Objektif Kualiti pada setiap tahun. Pemerkasaan tumpuan operasi UiTMCP pada 2019 dan 2020 adalah berlandaskan kepada pencapaian yang telah melonjakkan kualiti kerja yang efektif. Aksesibiliti meluas turut memantapkan sebaran dan pemurnian terhadap komunikasi kerja. Setiap penambahbaikan proses kerja telah dilaporkan dalam MKSP dengan pernyataan semakan semula prosedur operasi, pekeliling, mesyuarat, memo, laman web, buku panduan dan kursus-kursus berkaitan dengan perubahan operasi. Selain daripada itu, kecemerlangan kepimpinan diserlahkan dengan pemetaan *Strategic Action Plan 2020* kepada PI 2021 yang telah meliputi, 12 inisiatif dan projek bagi memenuhi keperluan ST1, 7 inisiatif dan projek bagi ST2 serta 23 inisiatif dan projek bagi ST3 (Lampiran 6.4.3(a))

Inisiatif Kampus Hijau adalah buah fikiran kepimpinan UiTMCP yang telah berjaya melibatkan ramai dikalangan akademia dalam program ini. Usaha ini jelas memaparkan kepakaran dan pengalaman para akademia telah digunakan dalam setiap aktiviti pemerkasaan amalan budaya hijau.

Tahun 2019 memperlihatkan UiTMCP mencapai Skor Tertinggi dalam Indeks Pendidikan Tinggi Berkualiti (i-UiTM) dimana telah mengatasi seluruh sistem UiTM (Lampiran 6.4.3 (b)). Ini menunjukkan bahawa para pemilik KPI dan PI telah berusaha keras bagi mencapai matlamat dan objektif selari dengan kehendak strategik UiTM (Lampiran 6.4.3 (c)).

SENARAI BUKTI :

1. [Lampiran 6.4.3a.pdf](#)
2. [Lampiran 6.4.3b.pdf](#)
3. [Lampiran 6.4.3c.pdf](#)
4. [Lampiran 6.4.3d.pdf](#)

6.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Penerusan integrasi kecemerlangan warga UiTMCP ditonjolkan dengan pelbagai kejayaan membabitkan penambahbaikan berterusan serta mewujudkan inovasi-inovasi yang mengadaptasikan keadaan semasa.

Inovasi *Virtual Valley Flagship Project*

Virtual Valley Flagship Project (Lampiran 6.5 (a) merupakan satu platform yang menggabungkan dua (2) elemen operasi pengurusan pejabat dan pembangunan sumber manusia di atas talian iaitu pengurusan pelanggan di kaunter dan pengurusan latihan. Pengimplementasiannya diilhamkan lanjutan daripada pandemik COVID-19 yang melanda dunia pada ketika ini. Penerapan tersebut telah menggerakkan Jabatan / Unit untuk berfungsi dengan norma baharu serta secara tidak langsung dapat melestarikan peranan semua yang terlibat. Warga kampus kini boleh berhubung dengan pejabat-pejabat di UiTMCP melalui *Online Virtual Office* tanpa perlu hadir secara fizikal di kaunter. Pengaplikasian sistem ini menjanjikan para pelanggan mendapat maklum balas pertanyaan dalam masa tiga (3) hari bekerja. Pada masa kini, staf juga berpeluang menghadiri Latihan secara atas talian melalui *Online Virtual Training* dan semua informasi tepat mengenai program boleh didapati dengan melayari laman sesawang UiTMCP.

Program Webinar *CSI Well Being: Program Kesejahteraan Diri Secara Virtual*

Kewibawaan kepimpinan PTJ UiTMCP ditunjukkan dengan kewujudan sinergi di antara bahagian. Program ini merupakan suatu inovasi sistem kerja dan ianya diilhamkan semasa Mesyuarat MPD yang diadakan pada bulan Jun 2020. Perlaksanaannya bertujuan untuk mempromosikan kepentingan menjaga kesihatan fizikal, mental dan spiritual dalam mencegah tekanan semasa pandemik COVID-19. Misalnya, terdapat inisiatif daripada pihak Unit Sukan untuk menggalakkan warga UiTMCP untuk bersenam menggunakan peralatan terhad dan mudah semasa bekerja di rumah dengan cara mengikuti video-video yang telah dikongsikan. Selain itu terdapat juga aktiviti senaman beramai-ramai secara maya pada setiap petang hari Jumaat. Impak daripada inovasi tersebut pihak kepimpinan UiTMCP telah berjaya menubuhkan *Green Studio*, dimana ia menerokai kepelbagaian kemahiran warga dan kecemerlangan bakat. Selain itu, ianya juga merupakan suatu platform untuk staf memenuhi jumlah 42 jam Latihan setahun (Lampiran 6.5 (b)).

Inovasi sistem e-Surat

Bagi memudahkan sistem operasi dan proses kerja, Unit Pengurusan Kualiti (UPK) dengan kerjasama para Pensyarah FSKM UiTMCP telah menginovasikan sistem e-Surat. Sistem ini berperanan memudahkan lantikan dibuat bagi setiap program, aktiviti, perantikan perjawatan program-program universiti, fakulti, jabatan, bahagian dan unit bagi menggantikan kaedah manual demi kelestarian operasi dan pengurusan (Lampiran 6.5 (c)).

SENARAI BUKTI :

1. [Lampiran 6.5a.pdf](#)

3. [Lampiran 6.5c.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.1 HASIL UTAMA 1

HASIL PERANCANGAN STRATEGIK

7.1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Hasil Perancangan Strategik UiTM Cawangan Perak (UiTMCP) diperoleh daripada pencapaian Objektif Kualiti dan Perancangan Strategik. Ia telah dirangka sejajar dengan Perancangan Strategik UiTM. Kecemerlangan Kepimpinan di UiTMCP adalah berdasarkan dua (2) hasil kejayaan iaitu (1) Kecemerlangan kepimpinan dalam memperkasakan bidang akademik dan penyelidikan, (2) Penarafan kecemerlangan penyelidikan. Bagi memastikan objektif perancangan strategik ini tercapai, pelbagai usaha yang melibatkan seluruh warga UiTMCP telah dilaksanakan dan kejayaan direkodkan.

Hasil daripada kecemerlangan kepimpinan dalam memperkasakan bidang akademik, UiTMCP komited membangun dan menawarkan program akademik baharu yang lebih futuristik, multidisiplin dan berdaya saing merentas bidang pengajian. Ia selari dengan penarafan global dimana UiTM terletak di kedudukan 651-700 di peringkat dunia dan di kedudukan 119 di peringkat Asia. Selain tu, UiTMCP turut menjejaki misi UiTM iaitu dengan menjuarai pembangunan bumiputera profesional yang adaptif dan kalis masa hadapan seiring dengan cabaran abad ke-21 menerusi kurikulum terkehadapan dan penyelidikan yang berimpak. Sokongan yang mantap secara berterusan diberikan kepada staf akademik dalam memperkasakan jaringan strategik bersama alumni dan industri diterjemahkan melalui MoU/MoA yang telah ditandatangani serta aktiviti penyelidikan dan perundingan.

Disamping itu, penambahan program akademik baharu membentuk sinergi dalam amalan pengurusan akademik yang cemerlang. Ia memantapkan sistem tadbir urus UiTMCP dan dibuktikan dengan kejayaan penubuhan sub-entiti akademik iaitu Jabatan Pengajian Alam Bina dan Teknologi (JABT) di UiTMCP. UiTMCP merupakan kampus pertama yang menubuhkan sub-entiti akademik dan dapat menjadi titik tolak kepada penubuhan fakulti baharu dengan bidang-bidang baharu yang akan diterokai dan diketengahkan selaras dengan pelan strategik UiTM 2025. Selain itu, penarafan di peringkat UiTM turut dipamerkan melalui *Research Interest Group* (RIG) yang mendapat pengiktirafan 5 STAR dua (2) tahun berturut-turut. Kejayaan yang dinobatkan ini menjadi satu titik tolak kepada UiTMCP dalam menjuarai penyelidikan berimpak melalui ekosistem penyelidikan yang padu.

Secara keseluruhannya hasil pencapaian UiTMCP bagi tahun 2020 amat memberangsangkan dalam menyerlahkan ketampakan barisan kepimpinan universiti. Berdasarkan hasil pencapaian ini, kepimpinan UiTMCP mampu untuk menyerlahkan potensi para staf akademik secara total merangkumi prestasi, kualiti, pengiktirafan serta perkembangan penyelidikan dalam membentuk masa hadapan yang lebih cemerlang seterusnya menaikkan nama UiTMCP di persada dunia.

7.1.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [7.1.2 TAHAP PENCAPAIAN HASIL PERANCANGAN STRATEGIK.pdf](#)

7.1.3 TREN (Trend)

BUKTI : [7.1.3 TREN PENCAPAIAN HASIL PERANCANGAN STRATEGIK.pdf](#)

7.1.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [7.1.4 PERBANDINGAN HASIL PERANCANGAN STRATEGIK.pdf](#)

7.1.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [7.1.5 KEPENTINGAN HASIL PENCAPAIAN PERANCANGAN STRATEGIK.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.2 HASIL UTAMA 2

HASIL TUMPUAN KEPADA PELANGGAN

7.2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Keterlibatan kepimpinan universiti dalam sub-domain indeks kegembiraan telah mencapai skor 80% iaitu tertinggi antara kampus cawangan. Oleh yang demikian, dalam hasil utama ke 2 ini memperlihatkan kepimpinan dalam penyampaian perkhidmatan kepada warga staf sebagai bidang tumpuan dimana hasil kecekapan kepimpinan telah meningkatkan ketampakan universiti melalui aset warga kerja. Tahun 2019 telah melakarkan banyak kejayaan dalam hasil jalinan bersama industri dan pada tahun 2020, khidmat masyarakat menjadi agenda utama dalam membendung wabak COVID-19 dan menghulurkan bantuan kepada yang memerlukan dan terkesan. Dalam misi ketampakan UiTMCP, Unit Komunikasi Korporat melalui sinergi media sentiasa menguar-uarkan berita kejayaan hasil warga staf kepada pihak media dan kerjasama ini telah memberi nilai tambah dan juga pelaburan jangka panjang dengan mengambil kira nilai bayaran iklan berdasarkan saiz liputan media. Sebagai hub akademik, para ilmuan digalakkan untuk berkongsi berita dan cetusan idea dalam media massa berdasarkan bidang tugas dan kepakaran akademik masing-masing sebagai paparan ilmiah atau perkongsian kejayaan disamping memberi nilai tambah kepada ketampakan universiti. Taklimat berkala dalam menyampaikan hasrat kepimpinan untuk meningkatkan Skor MyRA melalui indikator yang ditetapkan telah menyuntik semangat setiap warga staf untuk meningkatkan pengalaman dan kemahiran. Ia disokong melalui program-program dibawah platform *Webinar CSI Well Being* secara berkala dengan garapan intipati memfokuskan kesihatan dan kesejahteraan warga staf di samping menerapkan kepentingan nilai integriti dalam pekerjaan seperti yang dinyatakan di dalam ESI-iDART. Menjalankan proses pembelajaran dalam talian pastinya terdapat kesukaran bagi warga staf akademik. Oleh itu bahagian kepimpinan sentiasa memberi panduan dan mendapatkan maklumbalas daripada pensyarah dan pelajar pada setiap minggu agar penambahbaikan sentiasa dapat dilakukan supaya hasil pembelajaran yang jitu terhasil. Selain itu, sebagai inisiatif pengurusan tertinggi, pembudayaan penyelidikan dimanifestasikan melalui Anugerah Akademik UiTMCP (AAU), dimana staf akademik diiktiraf kecemerlangan mereka dan dianugerahkan ganjaran berupa geran penerbitan. Penarafan di peringkat UiTMCP turut dipamerkan terhadap kumpulan *Research Interest Group* (RIG) yang telah mendapat pengiktirafan 5 STAR 2 tahun berturut-turut sebagai satu titik tolak dalam menjuarai penyelidikan berimpak melalui ekosistem penyelidikan yang padu. Kepimpinan juga sentiasa peka dan cakna dengan keperluan staf terutama melibatkan hal-hal tadbir urus. Bagi memastikan proses kerja warga staf berjalan lancar yang pastinya meningkat kepuasan hati bekerja, satu *flagship project* telah diilhamkan oleh Pejabat Pentadbiran dan Bendahari dengan mewujudkan *Virtual Valley (Office and Training)*. Ia amatlah bersesuaian dengan amalan Teras Strategik 3 – Prestasi Berorientasikan Nilai. Pandemik yang melanda dunia tidak mematahkan semangat warga kampus. Kecekapan bahagian kepimpinan dan sinergi sokongan daripada setiap bahagian telah menumpukan usaha untuk memastikan kesejahteraan warga kampus dan masyarakat sekeliling melalui khidmat masyarakat sosial seiring dengan objektif kelestarian pembangunan global (SDG). Pelaksanaan asas bagi peningkatan hasil dimulakan pada awal tahun dan penilaian berkala melalui Mesyuarat Kajian Semua Pengurusan dan sistem MyATP telah dilakukan sebelum penilaian hujung tahun (LNPT). Penetapan sasaran kerja tahunan staf akademik dan pentadbiran berlandaskan senarai tugas utama dan projek aktiviti yang merangkumi pemantapan kemahiran menerusi latihan berterusan dan berperanan dalam mencapai PI UiTM, MyRA Skor dan Objektif Kualiti. Hasil utama 2 ini menerangkan keberkesanan kepimpinan dalam tadbir urus warga staf dalam merealisasikan penjenamaan universiti.

7.2.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [7.2.2 TAHAP PENCAPAIAN TUMPUAN PELANGGAN.pdf](#)

7.2.3 TREN (Trend)

BUKTI : [7.2.3 TREN PENCAPAIAN TUMPUAN.pdf](#)

7.2.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [7.2.4 PERBANDINGAN HASIL TUMPUAN PELANGGAN.pdf](#)

7.2.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [7.2.5 KEPENTINGAN HASIL TUMPUAN PELANGGAN.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.3 HASIL UTAMA 3

HASIL OPERASI

7.3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Hasil operasi UiTM Cawangan Perak (UiTMCP) diukur berdasarkan 3 hasil kejayaan iaitu (1) Kecemerlangan kepimpinan dalam memperkasakan bidang akademik, (2) Inisiatif Kampus Hijau, dan (3) Pemandangan ilmu (Masyarakat dan Industri). Bagi memastikan objektif perancangan strategik ini tercapai, pelbagai usaha yang melibatkan seluruh warga UiTMCP telah dilaksanakan dan kejayaan direkodkan. Hasil daripada kecemerlangan kepimpinan dalam memperkasakan bidang akademik, UiTMCP telah menerima pengiktirafan sebagai *Top Premier Digital Tech Institution 2019* menjadikan sebagai titik tolak buat UiTMCP untuk menubuhkan *Hub Inovative Teaching and Learning (HiTeL)* bagi kemudahan para akademia. Hasil pencapaian pesat ini diterjemahkan daripada pertambahan bilangan program yang telah berjaya dianjurkan dari tahun 2019 sehingga 2020. Selain tu, UiTMCP turut menjejaki misi UiTM iaitu dengan menjuarai pembangunan bumiputera profesional yang adaptif dan kalis masa hadapan seiring dengan cabaran abad ke-21 menerusi kurikulum terkehadapan dan penyelidikan yang berimpak. Hasil daripada misi ini diterjemahkan melalui kejayaan UiTMCP membangunkan model *High End TVET@UiTM*. Pada tahun 2020, pandemik COVID-19 telah mencetuskan cabaran baharu dalam pengoperasian UiTMCP. Walau bagaimanapun, UiTMCP menyahut cabaran pengoperasian norma baharu dengan melaksanakan inisiatif pengurusan secara virtual. Antara inisiatif yang diambil adalah dengan menganjurkan program *Webinar CSI Well Being* secara berkala dengan garapan intipati memfokuskan kesihatan dan kesejahteraan warga kerja disamping menerapkan kepentingan nilai intergriti dalam pekerjaan seperti yang dinyatakan dalam nilai ESI-iDART. Kepimpinan universiti sentiasa memastikan program sokongan seperti seminar, kursus dan latihan berkaitan proses kerja, kesedaran dan motivasi dianjurkan dan ia menjadi inspirasi kepada warga kampus dan meningkatkan prestasi kerja masing-masing. Tambahan, bagi memastikan proses kerja berjalan lancar sesuai dengan amalan Teras Strategik 3 – Prestasi Berorientasikan Nilai, satu *flagship project* telah diilhamkan oleh Pejabat Pentadbiran dan Bendahari dengan mewujudkan *Virtual Valley (Office and Training)*. Keterlibatan kepimpinan universiti dalam pemandangan ilmu kepada masyarakat dan industri terus dijalankan walaupun menghadapi banyak cabaran ketika Pandemik COVID-19. Pada tahun 2020, khidmat masyarakat menjadi agenda utama dalam membendung wabak COVID-19 dan menghulurkan bantuan kepada yang memerlukan dan terkesan. Antara khidmat masyarakat yang telah dilaksanakan adalah program *Service Learning Malaysia - University for Society (SULAM)* bagi mengekang wabak COVID-19, bantuan dalaman dan sumbangan Korporat - 1 Asnaf 1 Komputer, program *Ready to Eat* bersama YaPEIM, bantuan makanan kepada komuniti setempat dan program penghantaran pelajar pulang. Justeru, tidak dapat disangkal lagi, UiTMCP telah menguruskan pengoperasian perkhidmatan dengan baik dan sentiasa bersedia menghadapi perubahan dari segi kaedah bekerja yang inovatif, kreatif serta berkolaborasi dengan pelbagai pihak dan menjayakan proses transformasi selari dengan semua perancangan yang sistematik dan sejajar dengan PPPM(PT) 2015-2025.

7.3.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [7.3.2 TAHAP PENCAPAIAN HASIL OPERASI.pdf](#)

7.3.3 TREN (Trend)

BUKTI : [7.3.3 TREN PENCAPAIAN HASIL OPERASI.pdf](#)

7.3.4 PERBANDINGAN/ TANDA AKAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [7.3.4 PERBANDINGAN HASIL OPERASI.pdf](#)

7.3.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [7.3.5 KEPENTINGAN HASIL OPERASI.pdf](#)